AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PELITA BRUNEI

ڤليتا برونى

70 TAHUN 1956-2026

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DARIPADA Abi Hurairah Radiallahuanha, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Barang siapa beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah ia memuliakan tetamunya". (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.37 | SUBUH 4.47 | SYURUK 6.05 | DUHA 6.28 | ZUHUR 12.05 | ASAR 3.25 | MAGHRIB 6.03 | ISYAK 7.14

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 128 | 26 OKTOBER 2026 / 1448 جمادي الأول 15 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

BERANGKAT KE MAJLIS MERAIKAN ULANG TAHUN PUJA USIA

Oleh : Aimi Sani

JERUDONG, Sabtu, 24 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Meraikan Ulang Tahun Hari Puja Usia baginda Ke-80 yang disembahkan oleh Kumpulan Isteri-isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan- timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli Bersekutu.

Majlis berkenaan telah diadakan di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong.

>> Muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Meraikan Ulang Tahun Hari Puja Usia baginda Ke-80 yang disembahkan oleh Kumpulan Isteri-isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli Bersekutu. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

Majlis Konvokesyen PB raikan 1,182 graduan

Oleh : Nooratini Haji Abas, Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya

BERAKAS, Sabtu, 24 Oktober. - Seramai 1,182 orang graduan Politeknik Brunei (PB) bagi Kohort 2026 menerima Diploma Tahap 5 masing-masing pada Majlis Konvokesyen PB Ke-12 Tahun 2026 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), hari ini.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 589 orang merupakan graduan lelaki manakala 593 orang lagi adalah graduan perempuan.

Daripada keseluruhan graduan, seramai 339 orang mengikuti program dalam bidang Perdagangan, 289 orang dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi, 317 orang dalam bidang Sains dan Kejuruteraan, 162 orang dalam bidang Sains Kesihatan dan 75 orang dalam bidang Petrokimia.

>> Muka 7

SRM tekankan kepentingan kerjasama serantau membanteras ekstremisme

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

JAKARTA, REPUBLIK INDONESIA, Sabtu, 24 Oktober. - Cabaran keselamatan serantau dan global, terutamanya ancaman keganasan, migrasi tidak teratur, keselamatan siber dan jenayah rentas sempadan adalah antara perkara utama yang dibincangkan semasa Mesyuarat Sub-Regional Meeting on Counter Terrorism and Transnational Security (SRM) Kali Ke-7 yang diadakan di The Ritz-Carlton Jakarta, Mega Kuningan, Jakarta, Republik Indonesia pada hari ini.

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke mesyuarat berkenaan diketuai oleh Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

>> Muka 5

Sokongan masyarakat penting dalam proses pemulihan penyalahgunaan dadah

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman

BERAKAS, Sabtu, 24 Oktober. - Biro Kawalan Narkotik (BKN) melalui Divisyen Rawatan dan Pemulihan (DRP) menganjurkan Sambutan Hari Pemulihan Antarabangsa 2026 bertemakan 'Sinar Menuju Pemulihan, Bersama Komuniti' selama dua hari pada 24 hingga 25 Oktober 2026, bertempat di Sports Hub, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, dari pukul 9.00 pagi hingga 9.00 malam.

>> Muka 6

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

Berita Utama



MEMPERKUKUHKAN integrasi serantau, membangunkan koridor ekonomi

Muka 8



10 pemindahan hati daripada penderma hidup berjaya dilaksanakan

Muka 9



KALENDAR Acara VBY 2027 dilancarkan secara rasmi

Muka 13



FATIN Afiqah jadikan pengalaman hidup sumber inspirasi

Muka 20

PELITA BRUNEI

Pendidikan Islam perlu seimbangkan kemajuan teknologi dengan prinsip syariat

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alameen Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbiee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua dapatlah kita berhimpun pada pagi yang penuh berkat ini sempena Majlis Konvokesyen Kali Ke-16 Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Dengan hati yang tulus ikhlas, beta merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing. Penghargaan juga beta tujukan kepada para tenaga akademik, ibu bapa, penjaga dan ahli keluarga yang telah mencurahkan segala usaha membimbing, mendorong dan memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi sehingga para graduan berjaya mencapai kejayaan yang membanggakan. Beta berharap kejayaan yang diraih ini tidak hanya dilihat sebagai pencapaian peribadi tetapi juga perlu diterjemahkan sebagai sumbangan untuk ugama, raja dan negara.

Beta melihat perkembangan Kecerdasan Buatan (AI) menjadi teknologi yang paling digemari pada abad ini, yang membawa perubahan besar kepada landskap Pendidikan dan kehidupan masyarakat. Dalam hubungan ini, KUPU SB sebagai institusi peneraju perguruan ugama hendaklah tidak hanya menjadi pengguna teknologi, tetapi juga berupaya untuk menjadi pemimpin pendekatan pedagogi dan etika penggunaan AI yang berpandukan prinsip syarak, nilai Islam dan adab keilmuan yang berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah.

Beta juga mengambil maklum akan kesungguhan KUPUSB dalam mempertahankan dan mengembangkan pengajian Kitab Turath dan tulisan Jawi dalam pembinaan kurikulumnya pada semua peringkat pengajian. Beta melihat usaha ini amat penting bagi memastikan kemajuan pendidikan dan teknologi terus berpaksikan khazanah ilmu Islam di samping memelihara jati diri, tradisi keilmuan dan kesinambungan warisan pendidikan ugama.

Sehubungan itu, pemerkasaan teknologi digital dan AI dalam pendidikan Islam hendaklah diadun secara bijaksana dengan penguasaan ilmu Turath dan kontemporari sebagai suatu ikhtiar strategik untuk memperkukuhkan lagi penyampaian ilmu, tanpa menjejaskan prinsip syariat dan adab keilmuan. Pendekatan sedemikian adalah penting bagi membina ketahanan di kalangan generasi pendidik supaya terus mampu mendepani pengaruh pemikiran dan ideologi yang bercanggah dengan ajaran Islam sebenar.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan Kali Ke-16 pada Khamis, 22 Oktober 2026 di Dewan Cancelor Universiti Brunei Darussalam.

Beta mengambil maklum dan menyambut baik komitmen KUPU SB dalam memperkukuh kurikulum yang holistik yang selaras dengan keperluan semasa. Usaha ini bukan sahaja berupaya meningkatkan kebolehpasaran graduan, bahkan juga turut memperkasa mereka sebagai mampu untuk memberikan sumbangan yang bermakna kepada institusi, masyarakat dan negara melalui penguasaan ilmu.

>> Muka 5

WAKTU SEMBAHYANG

OKTOBER MASIHI	HARI	JAMADILAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
26	ISNIN	15	4.37	4.47	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14
27	SELASA	16	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14
28	RABU	17	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14
29	KHAMIS	18	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.13
30	JUMAAT	19	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.13
31	SABTU	20	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.02	7.13
1 NOVEMBER	AHAD	21	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.02	7.13

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan	32 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
Pekan Bangar	32 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
Pekan Tutong	32 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
Kuala Belait	32 25 °C	33 25 °C	33 25 °C

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 26 OKTOBER 2026

Perkasa aktiviti keusahawanan, kukuhkan ekonomi negara

KEUSAHAWANAN merupakan antara faktor penting dalam pembentukan landskap ekonomi sesebuah negara yang dinamik dan berdaya saing. Dalam era globalisasi dan ketidakpastian ekonomi global, keberanian masyarakat untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan bukan lagi sekadar pilihan kerjaya peribadi, sebaliknya merupakan satu tanggungjawab strategik demi memastikan kelangsungan serta ketahanan ekonomi negara.

Penglibatan masyarakat dalam bidang keusahawanan dapat meningkatkan pendapatan negara, membuka peluang pekerjaan, mengurangkan kebergantungan kepada sektor awam serta menggalakkan inovasi dalam pelbagai bidang. Usaha untuk menggalakkan masyarakat menceburi bidang keusahawanan perlu dirancang dengan baik supaya ekonomi negara menjadi lebih kukuh dan mampu menghadapi pelbagai cabaran.

Antara kepentingan utama keusahawanan ialah keupayaannya untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara. Apabila lebih ramai rakyat melibatkan diri dalam bidang perniagaan, pelbagai aktiviti ekonomi dapat berkembang, termasuk dalam sektor makanan, pertanian, teknologi, pelancongan dan perkhidmatan. Aktiviti ini dapat meningkatkan pengeluaran barangan dan perkhidmatan tempatan serta menggalakkan peredaran wang dalam negara. Secara tidak langsung, perkembangan sektor keusahawanan dapat membantu mengukuhkan ekonomi negara dan mengurangkan kebergantungan terhadap barangan import.

Bagi memastikan bidang keusahawanan terus berkembang, kerjasama antara kerajaan, institusi pendidikan, sektor swasta dan masyarakat amat diperlukan.

Di Negara Brunei Darussalam, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) sangat aktif menyokong pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana tempatan melalui pelbagai inisiatif seperti menyediakan Micro Bootcamp dan Siri Libat Urus (BEDB Engagement Series) bagi membantu usahawan memperkasakan daya saing serta daya tahan perniagaan.

Pada masa yang sama, institusi pendidikan perlu memupuk minat terhadap keusahawanan melalui program latihan, pertandingan inovasi dan aktiviti perniagaan dalam kalangan pelajar. Masyarakat pula boleh memainkan peranan dengan menyokong produk tempatan dan memberikan peluang kepada usahawan kecil untuk mengembangkan perniagaan mereka. Kerjasama yang berterusan ini dapat melahirkan lebih ramai usahawan yang berilmu, berkemahiran dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran perniagaan.

Oleh itu, semua pihak perlu berganding bahu untuk membudayakan keusahawanan dan memberikan sokongan kepada usahawan tempatan. Masyarakat, khususnya golongan belia, harus berani mengambil peluang, menimba ilmu dan memulakan perniagaan mengikut kemampuan masing-masing. Melibatkan diri dalam keusahawanan bukan sekadar usaha mencapai kejayaan individu, tetapi juga satu langkah penting untuk memperkasa ekonomi dan menjamin kesejahteraan negara pada masa hadapan. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دتربيتكن اوله جابتن ڤنراغن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سندیرين برحد، نكارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berangkat ke Majlis Meraikan Ulang Tahun Puja Usia





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dan kerabat diraja berkenan berangkat ke Majlis Meraikan Ulang Tahun Hari Puja Usia baginda Ke-80 yang disembahkan oleh Kumpulan Isteri-isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan- timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli Bersekutu (atas, kiri, bawah dan bawah sekali kiri).

>> Muka 1

Juga berangkat sama ke majlis tersebut, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha telah dijunjung oleh isteri Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Datin Dayang Hajah Kalshom binti Haji Suhaili, selaku Pengerusi I Kumpulan Isteri dan isteri Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, selaku Pengerusi II Kumpulan Isteri, bersama isteri-isteri Menteri-menteri dan Timbalan Menteri.

>> Muka 4

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor/ Morshidi, Mohammad Hasif Matzin







KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menandatangani Lembaran Keberangkatan (kiri). Manakala gambar bawah, isteri Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Datin Dayang Hajah Kalshom binti Haji Suhaili, selaku Pengerusi I Kumpulan Isteri dalam sembah alu-aluannya.



PELITA BRUNEI



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja yang lain dijunjung bagi mengabadikan gambar kenangan bersama ahli-ahli kumpulan.

>> Muka 3

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri bersama kerabat diraja yang lain dijunjung bagi mengabadikan gambar kenangan bersama ahli-ahli kumpulan.

Datin Dayang Hajah Kalshom, bagi pihak Kumpulan Isteri, dalam sembah alu-aluannya antara lain merafakkan setinggi-tinggi sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri atas limpah kurnia perkenan baginda berangkat ke Majlis Sambutan Hari Puja Usia baginda yang Ke-80.

Dalam sembah Datin Hajah Kalshom turut mendoakan agar baginda sentiasa dikurniakan nikmat usia yang berkat, sihat, selamat, aman dan bahagia, serta istiqamah dalam amal ibadah dan amal kebajikan bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Datin Hajah Kalshom seterusnya menyembahkan bahawa Kumpulan Isteri telah menganjurkan beberapa aktiviti sepanjang tahun yang merangkumi pelbagai upacara keagamaan seperti acara membaca Al-Quran yang disusuli oleh Majlis Khatam Al-Quran, acara Sembahyang Sunat Hajat dan Majlis Doa Selamat serta Kesyukuran.

Seterusnya, Datin Hajah Kalshom turut menyembahkan bahawa sambutan pada tahun ini mempunyai keistimewaan tersendiri sempena baginda meniti usia 80 tahun. Seramai 80 orang anak yatim telah dijemput untuk ikut serta dalam acara membaca dan mengkhatam Al-Quran sebanyak 80 kali, dan seterusnya bersama-sama dengan Ahli-ahli Kumpulan Isteri dalam Sembahyang Sunat Hajat.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri seterusnya berkenan memotong kek dan menerima pesambah daripada Kumpulan Isteri.

Juga disembahkan pada majlis berkenaan ialah sebuah Buku Foto Khas bertajuk 'Kenangan Bersama' terbitan Kumpulan Isteri sempena Hari Puja Usia baginda yang Ke-80.

Buku berkenaan menghimpunkan rakaman gambar Sambutan Hari Puja Usia baginda bersama Kumpulan Isteri sepanjang tiga dekad, yang disusun mengikut tahun, termasuk gambar - gambar daripada album peribadi Ahli - ahli Kumpulan Isteri.

Buku berkenaan dipersembahkan dengan penuh kasih dan taat setia sebagai kenang-kenangan abadi bagi 30 tahun kenangan indah Kumpulan Isteri bersama baginda.

Majlis kemudian diikuti dengan beberapa persembahan, termasuk dua buah lagu yang dipersembahkan oleh Ahli-ahli Kumpulan Isteri, iaitu 'Dirgahayu Duli Raja Isteri', ciptaan dan lirik oleh Awang Norhidayat bin Haji Ahim; dan 'Puja Usia Mutiara Singgahsana', ciptaan dan lirik oleh Pengiran Abdul Farid bin Pengiran Idrus.

Kedua-dua lagu berkenaan telah memenangi tempat pertama dan kedua dalam Pertandingan Penerbitan Lagu bersempena Hari Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri anjuran Radio Televisyen Brunei (RTB).









KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima pesambah (atas kiri dan atas).

SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis berkenaan (kiri). Manakala gambar kiri sekali, antara persembahan pada majlis tersebut.

SRM TEKANKAN KEPENTINGAN KERJASAMA SERANTAU MEMBANTERAS EKSTREMISME



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II menghadiri Mesyuarat Sub-Regional Meeting on Counter Terrorism and Transnational Security (SRM) Kali Ke-7 dan seterusnya mengadakan kunjungan hormat (kiri dan atas).

>> Muka 1

Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Abdul
Razak bin Haji Abdul Kadir; Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), JPM, Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad serta pegawai-pegawai kanan dari JPM.

Mesyuarat SRM Kali Ke-7 telah dipengerusikan bersama oleh Menteri Koordinator Bidang Politik, Hukum, dan Keamanan, Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Jeneral (B) Dudung Abdurachman; dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Menteri Seni, Menteri Keselamatan Siber, Menteri Imigresen dan Kewarganegaraan Australia, Yang Berhormat Tony Burke MP.

Turut menyertai mesyuarat tahun ini ialah Menteri dan pegawai kanan dari Malaysia, New Zealand, Republik Filipina, Republik Singapura dan Thailand.

Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II menekankan kedudukan dan dasar NBD dalam mengekalkan hubungan persahabatan dengan semua negara demi memelihara keamanan dan keselamatan rantau ini.

Yang Berhormat turut menekankan kepentingan kerjasama serantau dalam SRM bagi menangani isu keganasan dan ekstremisme di rantau ini.

Berkaitan perkara ini, kata Yang Berhormat lagi, NBD dan Malaysia akan menjadi Pengerusi Bersama bagi 'Senior Officials' Counter-Terrorism Policy Forum' di bawah SRM pada tahun hadapan.

Yang Berhormat seterusnya berkongsi usaha NBD dalam memerangi migrasi tidak teratur, khususnya pemerdagangan orang.

Baru-baru ini, tambah Yang Berhormat lagi, kedudukan NBD dalam Laporan Pemerdagangan Orang Amerika Syarikat telah dinaikkan taraf selama dua tahun berturut-turut, iaitu ke tahap 'Tier 2 Watch List' pada 2025 dan ke tahap 'Tier 2 ' pada tahun ini.

Kemudian, delegasi yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II turut mengadakan kunjungan hormat dengan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Menteri Seni, Menteri Keselamatan Siber, Menteri Imigresen dan Kewarganegaraan Australia.

Semasa kunjungan hormat berkenaan, kedua-dua buah negara menzahirkan rasa puas hati terhadap hubungan dan kerjasama yang telah lama terjalin dalam pelbagai bidang, khususnya bidang keselamatan.

Kedua-dua buah negara turut membincangkan jalan untuk mengukuhkan lagi kerjasama dalam perkara yang mempunyai kepentingan bersama, termasuk keselamatan sempadan dan keselamatan siber.

Pusat Kesihatan Jubli Emas Bunut alami gangguan sistem pendingin hawa

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Oktober. - Kementerian Kesihatan sentiasa komited dalam memastikan kemudahan dan prasarana kesihatan berada dalam keadaan yang baik dan berfungsi secara optimum bagi menjamin kelancaran penyampaian perkhidmatan kesihatan serta keselesaan orang ramai.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa Pusat Kesihatan Jubli Emas Bunut pada masa ini sedang mengalami gangguan sistem pendingin hawa yang memerlukan kerja-kerja pembaikan.

Sebagai langkah segera, beberapa buah kipas angin dan mesin penyejuk udara (*coolers*) telah ditempatkan di kawasan-kawasan yang terjejas.

Usaha untuk mendapatkan tambahan peralatan penyejukan ini sedang dipergiat bagi memastikan suasana yang lebih selesa dapat dikekalkan sepanjang tempoh kerja-kerja pembaikan dijalankan.

Sepanjang tempoh kerja-kerja pembaikan pendingin hawa ini dijalankan, Kementerian Kesihatan memohon kerjasama para pengunjung untuk berhati-hati serta mematuhi sebarang arahan yang diberikan demi keselamatan bersama.

Kementerian Kesihatan turut menghargai kesabaran dan kerjasama orang ramai sepanjang tempoh pembaikan ini.

Bagi sebarang maklumat terkini, orang ramai boleh melayari laman sesawang rasmi Kementerian Kesihatan di *www.moh.gov.bn* atau media sosial rasmi Instagram Kementerian Kesihatan di *@mohbrunei* atau menghubungi Talian Darussalam 123.

HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Sehubungan itu, KUPU SB perlu terus membangunkan ekosistem pendidikan yang komprehensif melalui jalinan kolaborasi strategik dengan para rakan, di samping memastikan program-program yang ditawarkan kekal relevan dengan perkembangan semasa. Langkah ini juga wajar diperkukuh melalui pelaksanaan Program Pembangunan Professional Berterusan (Continuous Professional Development - CPD) bagi meningkatkan lagi keupayaan pada alumni KUPU SB agar sentiasa selaras dengan perubahan dan keperluan semasa, sekali gus mendukung pendidikan dan pembentukan modal insan yang unggul dan berdaya saing.

Dalam hal ini, beta menyambut baik inisiatif KUPU SB dalam memperluas program *upskilling* dan *reskilling* melalui penubuhan Pusat Latihan dan Peningkatan Kompetensi KUPU SB. Kewujudan pusat ini diharapkan akan dapat menyemarakkan lagi budaya pembelajaran sepanjang hayat, di samping memperkaya pengetahuan dan meningkatkan keupayaan para graduan serta alumni. Lebih penting lagi, inisiatif tersebut berupaya untuk melahirkan sumber manusia yang berpegang teguh kepada prinsip syarak, memiliki keupayaan yang relevan dengan keperluan semasa, berdaya saing dalam pasaran pekerjaan serta memperoleh pengiktirafan melalui pensijilan kemahiran yang diiktiraf.

Akhirnya, beta merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga KUPU SB, khususnya pengerusi dan Ahli-ahli Majlis Kolej Universiti, Ra'es, Ahli-ahli Senat, pegawai-pegawai utama, para ahli akademik, pegawai dan kakitangan (KUPU SB) atas segala jasa dan khidmat bakti yang telah dicurahkan.

Marilah kita sama-sama berdoa semoga ilmu yang didapat oleh para graduan menjadi ilmu yang bermanfaat, diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan KUPU SB terus diberkati dalam melahirkan graduan berilmu dan berakhlak mulia.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



SOKONGAN MASYARAKAT PENTING DALAM PROSES PEMULIHAN PENYALAHGUNAAN DADAH

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Sambutan berkenaan bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan pemulihan serta menggalakkan penglibatan keluarga, golongan belia, rakan kerjasama dan komuniti dalam mewujudkan persekitaran yang prihatin, inklusif dan menyokong individu yang sedang menjalani proses pemulihan daripada penyalahgunaan dadah.

Bagi menyemarakkan sambutan tahun ini, tiga inisiatif utama telah dilaksanakan, iaitu 2 Million Steps for Recovery, One Sip, One Step dan Recovery Cup 2026, yang masing-masing mengetengahkan kepentingan gaya hidup sihat, penyebaran mesej kesedaran serta pengukuhan hubungan sosial dalam masyarakat.

Cabaran 2 Million Steps for Recovery yang berlangsung dari 1 Julai hingga 30 September 2026 telah berjaya menarik penyertaan seramai 18,056 peserta, dengan jumlah keseluruhan sebanyak 3,614,677,421 langkah direkodkan.

Inisiatif berkenaan bertujuan menggalakkan gaya hidup aktif dan sihat, di samping menyemai semangat solidariti terhadap individu yang sedang menjalani proses pemulihan.

Sementara itu, pertandingan One Sip, One Step dengan slogan 'Seteguk Harapan, Bersama Melangkah Ke Hadapan' melibatkan 22 pengusaha kopi tempatan dalam usaha menyebarluaskan mesej kesedaran mengenai pemulihan melalui penggunaan pelekat khas pada cawan minuman.

Manakala pertandingan Recovery Cup 2026 yang berlangsung pada 11 Oktober 2026 di Kompleks Sukan Tutong menyaksikan penyertaan lapan pasukan yang mewakili agensi kerajaan, sektor swasta dan persatuan.

Pertandingan berkenaan mengetengahkan sukan sebagai wadah untuk memupuk semangat berpasukan, disiplin, interaksi positif dan perpaduan, sekali gus menggalakkan amalan gaya hidup sihat serta mengeratkan hubungan sosial dalam kalangan peserta.

Sehubungan itu, acara kemuncak sambutan berkenaan diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti bacaan Surah Al-Fatihah dan ucapan alu-aluan oleh Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dato Paduka Awang Haji Mohd. Zalani bin Haji Ismail, merangkap Pengarah BKN.

Dalam ucapannya, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Zalani menegaskan komitmen berterusan BKN dalam memperkukuh pelaksanaan program rawatan dan pemulihan dadah secara holistik dan komprehensif bagi membantu individu dalam pemulihan membina semula kehidupan serta mengurangkan risiko kejatuhan semula.

Beliau turut menekankan bahawa kejayaan proses pemulihan memerlukan sokongan berterusan daripada keluarga, masyarakat dan pelbagai pihak berkepentingan, khususnya dalam memupuk penerimaan masyarakat serta memudahkan integrasi semula individu ke dalam masyarakat.

Sehubungan itu, beliau menyeru agar semangat 'Sinar Menuju Pemulihan, Bersama Komuniti' terus diterapkan bagi memperkukuh sokongan terhadap usaha pemulihan, memberikan peluang kepada individu untuk membina kehidupan yang lebih baik serta menyumbang kepada usaha membanteras penyalahgunaan dadah di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Majlis turut dimeriahkan lagi dengan pelbagai persembahan dan aktiviti untuk pengunjung, antaranya persembahan koir oleh Sekolah Rendah Awang Haji Mohd. Yusof Katimahar, iaitu pemenang Pertandingan Koir bagi Sekolah-sekolah Rendah sempena Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram 2026.

Turut dipersembahkan ialah nyanyian lagu 'Pulih Bersama' oleh bekas residen Pusat Al-Islah dan Orang Yang Di Bawah Pengawasan (OYDP), persembahan *live band* oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), pertunjukan silap mata dan belon, aktiviti Anex Pound oleh Hershey, latihan Tabata dan litar oleh United Abilities Football Academy serta permainan karnival oleh Cosmo.

Pelbagai aktiviti lain turut disediakan, termasuk melukis muka, seni inai, kraf tangan serta aktiviti melukis dan mewarna.

Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang cabaran 2 Million Steps for Recovery bagi Kategori Lelaki dan Kategori Perempuan.

Bagi Kategori lelaki, Lim Chun Kiat muncul sebagai juara, diikuti Pengiran Dahlan bin Pengiran Dahari selaku naib juara, manakala Awang Mohammad Alisharizal bin Haji Awang Sabli menduduki tempat ketiga.

Bagi Kategori Perempuan pula, Dayang Hajah Naemah binti Haji Mohammad dinobatkan sebagai juara, diikuti Dayang Ramizah binti Haji Razali di tempat naib juara, sementara Dayang Nurul Hafizah binti Maidi berada di tempat ketiga.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) ketika menyempurnakan penyampaian hadiah kepada penerima.

Penyampaian hadiah turut diberikan kepada tiga pemenang Pertandingan One Sip, One Step, iaitu Kohi Specialty muncul sebagai juara, diikuti Oui Boutique Cafe selaku naib juara, manakala Coffee by 7T1 berada tempat ketiga.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada para penaja sebagai tanda penghargaan atas sokongan dan sumbangan mereka dalam menjayakan sambutan berkenaan.

Selain menjadi platform kesedaran, sambutan berkenaan turut menyediakan ruang kepada orang ramai untuk mendapatkan maklumat mengenai perkhidmatan dan usaha-usaha berkaitan pemulihan yang ditawarkan oleh Pusat Al-Islah, Bahagian Pengawasan serta Rakan Harmoni.

BKN turut merakamkan penghargaan kepada rakan strategik, Momentum Misi Platform Belia, serta para penaja yang telah memberikan sokongan dalam menjayakan sambutan berkenaan, iaitu Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), DCON Sdn. Bhd., Armada Properties, Hua Ho Department Store, Adinin Works & Engineering Sdn. Bhd., Masshor Group of Companies, OneCity Shopping Centre, EVYD Technology Sdn. Bhd., The Rizqun International Hotel, Aewon Brunei, Express dan Jollibee Brunei.

Sambutan Hari Pemulihan Antarabangsa 2026 bukan sahaja menandakan kemuncak kepada rangkaian aktiviti yang telah dilaksanakan, malah mencerminkan bagaimana usaha pemulihan dapat diperkasa melalui tindakan dan penglibatan bersama.

Selaras dengan tema 'Sinar Menuju Pemulihan, Bersama Komuniti', BKN berharap agar semangat yang dibina menerusi sambutan berkenaan akan terus diterjemahkan dalam kehidupan seharian, bukan hanya sepanjang sambutan berlangsung.

Kerana di sebalik setiap perjalanan pemulihan, terdapat harapan untuk masa depan yang lebih baik dan sebuah komuniti yang memahami, menerima serta memberi peluang boleh menjadi sebahagian daripada sinar yang menerangi perjalanan berkenaan.

Ilmu nikmat daripada Allah, membawa tanggungjawab kepada manusia



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama turut hadir pada Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-252 sempena Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan Ke-16.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 Oktober. - Ilmu merupakan nikmat besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang mengangkat darjat manusia dan pada masa yang sama membawa tanggungjawab.

Ilmu bukan sekadar untuk diketahui atau dibanggakan tetapi hendaklah diamalkan, dimanfaatkan dan disampaikan dengan penuh amanah.

Dalam era teknologi digital dan Kecerdasan Buatan (AI), akses kepada maklumat menjadi semakin mudah dan pantas, namun kemudahan berkenaan tidak menggugurkan kewajipan untuk menyemak kebenaran, melakukan tabayyun dan merujuk kepada ahli ilmu.

Demikian antara inti pati tazkirah bertajuk 'Ilmu dan Amanah' yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Penolong Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Awang Hilman bin Haji Salim, yang juga graduan Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Ugama (Kajian Ahli Sunnah Waljamaah), KUPU SB, bagi menyerikan Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-252 sempena Majlis Konvokesyen
KUPU SB Ke-16 pada malam tadi yang bersiaran dari Surau Utama KUPU SB.

Menurutnya lagi, tidak semua maklumat yang diterima perlu terus dipercayai atau disebarkan tanpa semakan. Walaupun teknologi mengubah cara manusia memperoleh ilmu, tanggungjawab terhadap kebenaran, adab, ketepatan dan manfaat ilmu tetap berada pada manusia.

Kesimpulannya, Dr. Awang Hilman mengongsikan bahawa ilmu adalah nikmat, nikmat melahirkan amanah, dan amanah menuntut tanggungjawab.

Acara Malam Munajat berkenaan disemarakkan oleh tenaga akademik dan para graduan KUPU SB yang bersiaran dari Surau Utama KUPU SB sebagai tumpuan utama. Juga menyertai, para jemaah daripada beberapa buah masjid seluruh negara serta warga kerja KHEU dan juga individu yang turut serta secara maya dari kediaman masing-masing.

Atur cara Malam Munajat dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad, yang juga bersiaran dari Surau Utama KUPU SB.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Waqiah beramai-ramai dipimpin oleh Awang Muhammad Syukri Mubasyir bin Haji Mohamad Sufri, graduan Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Pendidikan Islam), KUPU SB.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Awang Mohamed Khairie bin Mohamed Shalahudeen, graduan Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Pendidikan Islam), KUPU SB.

Majlis diteruskan dengan bacaan Doa Memohon Dikurniakan Hujan Sebab Dilanda Jerebu oleh Ketua Eksekutif Keugamaan dan Kerohanian, Majlis Perwakilan Pelajar 2026-2027, KUPU SB, Awang Muhammad Nabil Mukhlish bin Amerul Shah.

Sejurus selesai tazkirah, acara disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai dipimpin oleh Yang Dipertua Pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar 2026-2027, KUPU SB, Awang Muhammad Nur Razin bin Rosli.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Awang Muhammad Syafiq bin Haji Abu Bakar, graduan Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Islam) dengan Minor Bimbingan dan Kaunseling, KUPU SB.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Semoga segala amalan kerohanian dan Doa Munajat yang kita panjatkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan *http://tiny.cc/munajatkheu.*

MAJLIS KONVOKESYEN PB RAIKAN 1,182 GRADUAN

Oleh : Nooratini Haji Abas, Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri Pendidikan menyampaikan diploma kepada graduan sesi pagi.



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menyampaikan diploma kepada graduan sesi petang.



UCAPAN alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Politeknik Brunei, Awang Lim Kian Boon.

>> Muka 1

Para graduan telah mengikuti pengajian selama dua tahun setengah atau tiga tahun dalam pelbagai program yang ditawarkan oleh Sekolah Perniagaan, Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Sekolah Sains dan Kejuruteraan, Sekolah Sains Kesihatan serta Sekolah Petrokimia, PB.

Diploma Tahap 5 ini diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan melalui Majlis Akreditasi Kebangsaan Brunei Darussalam.

Konvokesyen tahun ini juga menandakan kohort graduan pertama yang menamatkan pengajian dalam tempoh dua tahun setengah, berbanding tempoh tiga tahun seperti kebiasaannya.

Majlis konvokesyen tahun ini diadakan dalam dua sesi, iaitu pagi dan petang, dengan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, hadir selaku tetamu kehormat bagi sesi pagi, manakala Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos, hadir selaku tetamu kehormat bagi sesi petang.

Majlis dimulakan dengan perarakan masuk para pelajar, diikuti perarakan utama Ahli Lembaga Pengelola dan Senat PB serta seterusnya ketibaan tetamu kehormat.

Pada sesi pagi, majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah Al-Baqarah, ayat 267 hingga 269 oleh seorang graduan Diploma Tahap 5 dalam bidang Keusahawanan dan Strategi Pemasaran dari Sekolah Perniagaan, PB, Awang Abdul Mursyid Al-Murtadha bin Abdul Hadi.

Terjemahan ayat-ayat tersebut disampaikan oleh graduan Diploma Tahap 5 dalam bidang Perakaunan dan Kewangan dari Sekolah Perniagaan, PB, Awang Mohamad Aqiel Khairi bin Muhammad Alias.

Ini diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah PB, Awang Lim Kian Boon, selaku Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif dan Kerja bagi Majlis Konvokesyen Kali Ke-12, yang antara lain mengongsikan bahawa PB telah dan sedang giat melaksanakan beberapa inisiatif-inisiatif yang menyokong pembangunan dan kejayaan institusi berkenaan.

Majlis Penyampaian Anugerah Konvokesyen yang disampaikan oleh tetamu kehormat melibatkan graduan daripada program-program, Diploma Tahap 5 dalam Perakaunan Perniagaan dan Kewangan; Diploma Tahap 5 dalam Keusahawanan dan Strategi Pemasaran; Diploma Tahap 5 dalam Pengurusan Modal Insan, yang ditawarkan selama dua tahun setengah.

Turut menerima diploma ialah graduan daripada program tiga tahun, termasuk Diploma Tahap 5 dalam Pengajian Perniagaan (Pengurusan Sumber Manusia), Diploma Tahap 5 dalam Pengajian Perniagaan (Pemasaran); Diploma Tahap 5 dalam Kejuruteraan Kimia; Diploma Tahap 5 dalam Teknologi Peralatan Kimia; Diploma Tahap 5 dalam Teknologi Loji Kuasa dan Sistem Kuasa; Diploma Tahap 5 dalam Teknologi Penyimpanan dan Pengangkutan dan Diploma Tahap 5 dalam Teknologi Loji Kuasa Terma.

Sementara itu, bagi sesi petang, penyampaian anugerah konvokesyen melibatkan graduan daripada pelbagai program, antaranya Diploma Tahap 5 dalam Pembangunan Aplikasi, Awan dan Rangkaian, Analitik Data, Seni dan Media Digital, Teknologi Web, Sains Kesihatan, Seni Bina, Reka Bentuk Dalaman serta bidang Kejuruteraan Awam, Elektrik, Elektronik dan Komunikasi, Mekanikal, Petroleum serta Telekomunikasi dan Sistem.

Sebagai majlis susulan, PB turut merancang untuk mengadakan Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar secara berasingan.

Anugerah yang akan disampaikan merangkumi Anugerah Cemerlang Kakitangan, Anugerah Pelajar Terbaik, Anugerah Cemerlang Akademik, Anugerah Kecemerlangan Aktiviti Pengayaan, Anugerah Inovasi dan Anugerah Duta Besar China yang ditaja oleh Kedutaan Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam.

Bagi kemudahan ibu bapa, penjaga, ahli keluarga dan rakan-rakan graduan, PB turut menyediakan siaran langsung majlis melalui saluran YouTube rasmi PB.




MAJLIS dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah Al-Baqarah, ayat 267 hingga 269 serta terjemahannya.





ANTARA graduan yang diraikan (atas), manakala gambar kiri, sebahagian yang hadir pada konvokesyen berkenaan.



PELITA BRUNEI

MEMPERKUKUHKAN INTEGRASI SERANTAU, MEMBANGUNKAN KORIDOR EKONOMI



YANG Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Perindustrian hadir pada Forum Ekonomi Borneo Kali Kedua yang berlangsung di Kuching, Sarawak pada 7 hingga 8 Oktober 2026.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Oktober. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menekankan kepentingan bagi memperkukuhkan kesalinghubungan serantau, perdagangan, pelaburan dan kepelbagaian ekonomi semasa Forum Ekonomi Borneo Kali Kedua yang berlangsung di Kuching, Sarawak pada 7 hingga 8 Oktober 2026.

Forum tersebut turut diraikan dengan kehadiran Premier Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg yang menyampaikan ucaptamanya.

Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Perindustrian, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, juga turut menyampaikan ucaptama forum dengan tema 'Brunei Darussalam's Vision for Borneo: Strengthening Regional Connectivity, Trade, Investment and Economic Diversification'.

Dalam ucaptamanya, NBD menekankan visi bagi Borneo adalah untuk menjadikannya sebagai sebuah rantau yang lebih terhubung, bersepadu dan makmur, dengan kesalinghubungan yang lebih kukuh bagi memacu perdagangan, mewujudkan peluang-peluang baharu bagi pelaburan dan kepelbagaian ekonomi menyumbang kepada peluang yang mampan dan inklusif bagi rakyat di rantau ini.

Ucapan tersebut juga menggariskan kepentingan bagi menyelaraskan keutamaan ekonomi NBD di bawah Wawasan Brunei 2035 dengan rangka kerja serantau yang lebih luas, termasuk ASEAN Community Vision 2045 dan BIMP-EAGA Vision 2035.

Rangka kerja ini menyediakan peluang untuk memperkukuhkan integrasi serantau, membangunkan koridor ekonomi serta memperdalami penyertaan dalam rantaian nilai serantau dan global.

NBD turut menekankan potensi kerjasama rentas sempadan yang lebih besar dengan Sarawak, Sabah dan Kalimantan, khususnya dalam bidang pertanian, perikanan, penternakan dan pengeluaran makanan. Antaranya meneroka potensi kerjasama dalam projek-projek seperti penanaman padi secara komersial dan peluang dalam pengeluaran ternakan dan akuakultur, mencerminkan usaha bagi memperkukuhkan keterjaminan makanan serantau, membangunkan rantaian bekalan bersepadu dan mewujudkan peluang ekonomi baharu.

Di samping forum tersebut, sesi perbincangan *roundtable* turut diadakan mengenai 'Borneo Grid: Powering ASEAN's Growth', 'Digital Borneo: Powering the New Economy' dan 'Towards a Unified Borneo Integrated Industrial Hubs'.

Perbincangan ini merupakan sebahagian daripada program forum berkenaan kerjasama ekonomi serantau. Forum ini turut menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman antara Borneo Economic Community (BEC) dengan Economic Research Institute for ASEAN and East Asia (ERIA), yang bertujuan memperkukuhkan kerjasama dan kesalinghubungan ekonomi antara Borneo dengan rantau ASEAN yang lebih luas.

Pada 8 Oktober 2026, selepas forum tersebut, sesi Business-to-Business (B2B) Matching telah diadakan. Sesi tersebut menemukan syarikat-syarikat, pelabur dan pihak berkepentingan utama berdasarkan minat dan peluang perniagaan yang sama, sekali gus menyediakan platform untuk meneroka potensi perkongsian, memudahkan hubungan perniagaan dan menjadikan perbincangan forum kepada peluang perniagaan yang konkrit.

Forum Ekonomi Borneo Ketiga akan diadakan di Nusantara, Kalimantan Timur, Republik Indonesia.

Kesedaran kebersihan persekitaran tanggungjawab bersama

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



TEMBURONG, Ahad, 25 Oktober. - Kementerian Pendidikan pada hari ini telah mengendalikan Kempen Kebersihan di sebahagian jalan raya dan kawasan di Kampung Menengah, Kampung Puni dan Kampung Buda-Buda, Pekan Bangar.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyertai kempen berkenaan, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Acara dimulakan dengan bacaan Doa Selamat yang diketuai oleh Bilal Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Awang Haji Muhammad Fairuz bin Haji Suhaile, diikuti dengan penerangan keselamatan sebelum memulakan Kempen Kebersihan.

Usaha pembersihan tertumpu kepada beberapa jalan raya yang dibahagikan kepada dua zon, merangkumi sebahagian Jalan Pekan Bangar, bermula dari Balai Bomba Bangar hingga ke simpang menuju ke rumah Ketua Kampung Menengah serta di sebahagian Jalan Labu bermula dari Masjid Kampung Puni hingga ke persimpangan menuju ke tempat penurunan perahu di Kampung Buda-Buda.

Kempen yang disertai oleh kira-kira 340 warga Kementerian Pendidikan, 60 penduduk mukim dan kampung setempat serta 38 orang dari Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) telah berjaya mengumpul lebih daripada 495 kilogram sampah-sarap.



YANG Mulia Timbalan Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat bagi menyertai kempen berkenaan dan seterusnya menyertai sesi bergambar ramai (kiri dan atas), manakala gambar bawah kanan, sebahagian yang turut serta pada kempen tersebut.

Kempen Kebersihan berkenaan merupakan salah satu usaha Kementerian Pendidikan dalam menyokong inisiatif Jawatankuasa Induk Isu-Isu Kebersihan (JIIK) ke arah memastikan persekitaran di Negara Brunei Darussalam (NBD) sentiasa bersih dan bebas daripada pencemaran.

Pelaksanaan kempen di peringkat Kementerian Pendidikan yang diselaraskan oleh Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan - Perkhidmatan berkenaan turut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan penduduk kampung dan orang awam mengenai kepentingan memelihara kebersihan persekitaran.

Turut hadir pada acara berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, juga Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan; Ketua Kampung Menengah, Kampung Puni dan Kampung Belais / Buda-Buda; pegawai-pegawai dari Urus Setia Jawatankuasa Induk Isu-Isu Kebersihan, pegawai-pegawai dan kakitangan dari Kementerian Pendidikan serta penduduk-penduduk bagi kampung-kampung yang terlibat.



Projek Pengubahsuaian Tamu Aneka tingkat kemudahan perniagaan Temburong

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman







MAJLIS Peletakan Batu Asas bagi Projek Menaik Taraf dan Pengubahsuaian Bangunan Tamu Aneka di Pekan Bangar dihadiri oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau serta Pemangku Pegawai Daerah Temburong (atas, atas kiri dan bawah kiri).

TEMBURONG, Sabtu, 24 Oktober. - Majlis Peletakan Batu Asas bagi Projek Menaik Taraf dan Pengubahsuaian Bangunan Tamu Aneka di Pekan Bangar diadakan sebagai simbolik permulaan kepada usaha mempertingkatkan kemudahan dan prasarana perniagaan di Daerah Temburong.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau; serta Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Hadir sama, pegawai-pegawai kerajaan, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung.

Projek yang bermula pada 6 Oktober 2026 dan dijangka siap pada 5 Januari 2027 berkenaan akan membangunkan Tamu Aneka dengan konsep 'Di Bawah Satu Bumbung', yang bertujuan menghimpunkan pelbagai aktiviti perniagaan di satu lokasi bagi menyediakan persekitaran yang lebih teratur, selesa dan mudah dikunjungi oleh orang ramai.

Sebanyak 78 petak perniagaan akan disediakan bagi memberi ruang kepada para peniaga menjalankan aktiviti perniagaan masing-masing, di samping menyediakan lebih banyak peluang kepada peniaga tempatan untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Pelaksanaan projek berkenaan diharap dapat merancakkan lagi aktiviti ekonomi setempat, meningkatkan keselesaan para peniaga dan pengunjung serta mengukuhkan peranan Pekan Bangar sebagai pusat tumpuan perniagaan dan masyarakat di Daerah Temburong.

10 PEMINDAHAN HATI DARIPADA PENDERMA HIDUP BERJAYA DILAKSANAKAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jerudong Park Medical Centre

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Oktober. - Program Pemindahan Hati Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diterajui oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Jerudong Park Medical Centre (JPMC) telah berjaya melaksanakan 10 pemindahan hati daripada penderma hidup, sekali gus menandakan satu pencapaian penting dalam pembangunan perkhidmatan penjagaan kesihatan khusus di negara ini.

Perkembangan program berkenaan diketengahkan dalam Sesi Media Program Pemindahan Hati yang menghimpunkan para pemimpin penjagaan kesihatan dan pakar klinikal bagi berkongsi pengalaman mengenai kerjasama, kepakaran klinikal serta penjagaan pelbagai disiplin yang menyokong pelaksanaan perkhidmatan pemindahan hati di NBD.

Ditubuhkan pada Februari 2025, program berkenaan menggabungkan kepakaran klinikal, kemudahan dan penyelarasan penjagaan yang diperlukan bagi menyokong keseluruhan proses pemindahan hati, bermula daripada penilaian penerima dan penderma, pembedahan, penjagaan selepas pembedahan sehinggalah kepada pemantauan susulan secara berterusan.

Dalam kenyataannya, Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Md. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail, menyatakan bahawa pembangunan program pemindahan hati berkenaan mencerminkan nilai kerjasama antara Kementerian Kesihatan dan JPMC serta pasukan pakar yang terlibat dalam membolehkan para profesional kesihatan tempatan menyumbang kepada penyampaian perkhidmatan penjagaan khusus bertaraf tinggi di dalam negara, di samping membantu pesakit yang bersesuaian mendapatkan rawatan lebih dekat dengan tempat tinggal mereka.

Beliau turut menegaskan bahawa keutamaan program berkenaan adalah untuk membangunkan keupayaan secara bertanggungjawab, dengan kebajikan pesakit dan penderma sentiasa menjadi keutamaan.

Program berkenaan memanfaatkan kepakaran daripada pelbagai bidang, termasuk pembedahan, hepatologi, anestesia, rawatan rapi, radiologi, patologi, penyakit berjangkit, farmasi, kejururawatan dan perkhidmatan kesihatan bersekutu.

JPMC menyokong pelaksanaan program berkenaan melalui kemudahan, perkhidmatan klinikal dan pasukan pelbagai disiplin, dengan kerjasama rakan sekerja daripada Kementerian Kesihatan serta pakar pelawat.

Pakar klinikal tempatan juga memainkan peranan aktif dalam pasukan pembedahan. Pakar bedah pemindahan hati, Visiting Consultant Hepatobiliary and Liver Transplant Surgeon, Dr. P Balachandran Menon, bersama pasukannya bekerjasama dengan pasukan pembedahan tempatan yang turut melibatkan Consultant General Surgeon, Dr. Amy Thien.

Kerjasama berkenaan menyumbang kepada pembangunan kepakaran pembedahan tempatan melalui amalan klinikal bersama.



SESI Media Program Pemindahan Hati yang menghimpunkan para pemimpin penjagaan kesihatan dan pakar klinikal bagi berkongsi pengalaman mengenai kerjasama, kepakaran klinikal serta penjagaan pelbagai disiplin yang menyokong pelaksanaan perkhidmatan pemindahan hati di Negara Brunei Darussalam.

Dr. P Balachandran Menon berkata, Dr. Amy Thien merupakan anggota pasukan pembedahan yang dihargai dan sumbangan beliau mencerminkan kepakaran yang dimiliki oleh para doktor NBD dalam program berkenaan.

Beliau juga menjelaskan bahawa pemindahan hati memerlukan kerjasama erat antara pelbagai disiplin, dan usaha bersama berkenaan dapat memperkukuh pengalaman kolektif yang diperlukan bagi membangunkan serta mengekalkan perkhidmatan pemindahan hati di NBD.

Penglibatan profesional penjagaan kesihatan tempatan merangkumi keseluruhan proses pemindahan hati, daripada peringkat penilaian dan persediaan hinggalah kepada penjagaan selepas pembedahan serta pemantauan susulan.

Pendekatan pelbagai disiplin berkenaan menyediakan peluang untuk membina pengalaman klinikal tempatan, di samping memperkukuh sistem dan penyelarasan yang diperlukan bagi menyampaikan perkhidmatan khusus yang kompleks.

Sementara itu, Pemangku Ketua Pegawai Perubatan JPMC, Pengiran Dr. Hajah Siti Nur' Ashikin binti Pengiran Dato Paduka Haji Tengah pula berkata program pemindahan hati memerlukan penilaian yang teliti, penyelarasan rapat antara pasukan serta pemantauan susulan berterusan bagi penerima dan penderma.

Beliau turut menekankan bahawa membantu pesakit dan keluarga memahami setiap peringkat proses berkenaan merupakan aspek penting dalam membina keyakinan terhadap perkhidmatan penjagaan kesihatan yang tersedia di NBD.

Bagi pesakit yang memenuhi kriteria pemilihan serta keluarga mereka, akses kepada perkhidmatan pemindahan hati di NBD membolehkan rawatan diterima lebih dekat dengan tempat tinggal dan rangkaian sokongan mereka.

Akses kepada rawatan di dalam negara juga dapat mengurangkan beban praktikal yang berkaitan dengan rawatan di luar negara, termasuk kos perjalanan dan penginapan serta tempoh yang panjang berjauhan daripada keluarga dan rumah.

Program berkenaan kini sedang membuat persediaan bagi pemindahan hati yang ke-11, yang dijadualkan pada 25 Oktober 2026, tertakluk kepada penilaian klinikal akhir.

Seiring dengan perkembangan program berkenaan, tumpuan akan terus diberikan kepada pengukuhan kepakaran tempatan, pemantapan kerjasama antara pasukan pelbagai disiplin serta pengekalan mutu, keselamatan dan kesinambungan penjagaan bagi kedua-dua penerima dan penderma.

AHMAD RAFIQ AZZAWANI, DAYANGKU ALYA SYAHIRAH JUARA MUSABAQAH PERINGKAT SARINGAN KEBANGSAAN





YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Putat hadir selaku tetamu kehormat majlis yang seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang bagi setiap kategori (atas, kanan dan bawah). Manakala gambar bawah kanan, antara yang memperdengarkan bacaan.

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



RIMBA, Sabtu, 24 Oktober. - Awang Ahmad Rafiq Azzawani bin Haji Muhammad Zainul Arifin Lubis dan Dayangku Alya Syahirah binti Pengiran Haji Jofri masing-masing dinobatkan sebagai juara Kategori Lelaki dan Perempuan dalam Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Saringan Kebangsaan Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi.

Musabaqah yang berlangsung selama empat hari itu diadakan di Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba, dan dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, melalui Bahagian Imarah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat, yang seterusnya



menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang bagi setiap kategori.

Seramai 78 peserta lelaki dan 20 peserta perempuan menyertai musabaqah berkenaan, dengan 51 peserta berjaya melayakkan diri ke peringkat pertandingan seterusnya.

Penganjuran musabaqah itu antara lain bertujuan untuk meningkatkan penghayatan terhadap isi kandungan Al-Quran, mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan peserta serta mendukung hasrat Negara Brunei Darussalam untuk menjadi sebuah Negara Zikir.

Melalui penganjuran seumpama itu, diharapkan akan dapat melahirkan qari dan qariah yang berpotensi serta berkualiti, di samping meningkatkan mutu bacaan Al-Quran.

Usaha berkenaan juga diharap dapat membentuk individu yang mampu menjadi teladan kepada masyarakat dalam menghayati dan mengamalkan ajaran Al-Quran dalam kehidupan seharian.

Di samping itu, penganjuran musabaqah secara berterusan diharap akan terus menyemarakkan budaya membaca dan memupuk kecintaan terhadap Al-Quran dalam kalangan masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam.

Melahirkan warga pendidik ugama berakhlak mulia, berintegriti

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah





TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang (atas kiri dan atas).

BERAKAS, Sabtu, 24 Oktober. - Kumpulan Syabab An-Nur dan Kumpulan Hurunn 'Ain masing-masing muncul johan bagi Kategori Lelaki dan Kategori Perempuan dalam Pertandingan Murattal Al-Quran Berkumpulan bagi Warga Pendidik Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), yang berlangsung pagi tadi.

Naib johan bagi Kategori Lelaki disandang oleh Kumpulan As Syahidul Quran, manakala tempat ketiga diraih oleh Kumpulan Assoutul Mu'allim.

Sementara itu, naib johan bagi Kategori Perempuan pula ialah Kumpulan Imtiyaz Qurani, diikuti Kumpulan An-Nuuriah di tempat ketiga.

Pertandingan berkenaan diadakan sempena Semarak Sambutan Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal dan berlangsung di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar.

Peringkat saringan pertandingan berkenaan telah berlangsung pada awal Oktober lalu dengan penyertaan sebanyak 24 kumpulan yang dibahagikan kepada dua kategori, iaitu 10 kumpulan bagi Kategori Lelaki dan 14 kumpulan bagi Kategori Perempuan.

Daripada jumlah berkenaan, enam kumpulan berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir, masing-masing tiga kumpulan bagi setiap kategori.

Penganjuran pertandingan berkenaan diharap akan dapat memperkukuh ukhuwah dalam kalangan warga pendidik, di samping memantapkan penguasaan serta mutu bacaan Al-Quran.

Selain itu, pertandingan berkenaan juga dihasratkan untuk melahirkan warga pendidik ugama yang mampu menjadi teladan dalam menghayati dan mengamalkan ajaran Islam, selaras dengan tema Sambutan Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal, iaitu 'Ukhwah Kukuh, Pendidikan Teguh'.



منيتي أوسيا أمس دڠن بكلن دنيا دان أخيرة

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دڠن منيڠكتكن كإيمانن كڤدني. سسوڠكوهن اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ ايت ايالە اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. مودە-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠإيمتي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ، براوله كجيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوك دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

باكي كباڤقن اورڠ يڠ بكرجا، ماس ڤرسارأن مروڤاكن سواتو ڤروبهن ڤنتيڠ دالم كهيدوڤن. ستله سكيان لاما منابور بقيتي دڠن ماس، تناك دان ڤڠوربانن، ڤرسارأن ممبوكا لمبرن هيدوڤ يڠ بهارو.

ڤد ماس اينله كيت برڤلواڠ اونتوق بريحت دان ملواڠكن لبيه باڤق ماس برسام ڤاسڠن، أنق-أنق دان جوجو-جوجو. دسمڤيڠ ايت، ماس يڠ اد دافت دإيسي دڠن منجاك كصيحتن، منمبه علمو، ممڤركوكوه عبادة سرت تروس مېوميڠ كڤد كلوارك دان مشاركت مڠيكوت كممڤوان. اوليه ايت ڤرسديأن مڠهادڤي ڤرسارأن سواجرڠ درانچڠ لبيه أول أكر كهيدوڤن لبيه ترأتور دان برمعنى.

اڤ ڤون كأدأنڽ، ڤرسارأن بوكنله برأرتي كهيدوڤن تله برأخير. بهكن اي اداله ڤرمولأن اونتوق منجالي كهيدوڤن دڠن لبيه تنڠ. نامون ڤرلو دإيڠت، برعبادة دان ڤرسديأن اونتوق أخيرة اداله تڠكوڠجواب سڤنجڠ حيات، بوكن هاڽ ستله كيت برسارا.

جماعه يڠ درحمتي الله،

كأدأن ستياڤ ڤسارا اداله بريبدا. اد يڠ كمبالي بكرجا، اد يڠ منجاك ڤاسڠن اتاو أهل كلوارك يڠ ساكيت، دان اد ڤولا يڠ دأوجي دڠن مسئله كصيحتن. والاو اڤ ڤون كأدأنڽ، ستياڤ اورڠ تنڤ برڤلواڠ مرإيه ڤهلا ملالوي كصبرن دان تڠكوڠجواب يڠ دلقسناكن دڠن إخلاص.

كوناكنله أوسيا ڤرسارأن اونتوق لبيه مندكتكن ديري كڤد الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دان ممڤربايڤكن عمل كباجيقن مڠيكوت كممڤوان. حاضيريله مجليس-مجليس علمو، عمارهكنله مسجد، سرتا هولوركن بنتوان كڤد كلوارك دان مشاركت. ڤڠالمن دان كماهيرن يڠ دميليقي جوك أمت برهركا اونتوق دكوڠسيكن دڠن جنراسي مودا. أهل كلوارك ڤولا هندقله ممبري سوكوڠن سرتا مڠمبيل كيرا كصيحتن دان كممڤوان مريك.

جماعه يڠ درحمتي الله،

ڤرسارأن جوك ممرلوكن ڤرانچڠن كواڠن يڠ بايك، بربلنجاله سجارا برهيمه، سدياكن سيمڤنن اونتوق مڠهادڤي كڤرلوان يڠ تيدق دجڠكا دان بيذاكن انتارا كڤرلوان دان كهندق.

اڤبيل منريما واڠ ڤرسارأن، تيدق ساله اونتوق منعمتي حاصل تيتيق ڤلوه سنديري دڠن ڤنوه كشوكورن. نامون جاڠنله كيت بربلنجا سجارا برلبيهن سهيڠك منجحسكن كڤرلوان ماس هادڤن. إسلام مڠاجر كيت سوڤايا مڠوروس هرتا دڠن بيجق دان برسدرهان اكر رزقي يڠ دكورنياكن ممباوا كبركتن. الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ برفرمان دالم سورة الفرقان أية ٦٧:

دان مريك يڠ اڤبيل ممبلنجاكن هرتا، مريك تيدق برلبيه-لبيهن دان تيدق جوك بخيل كدكوت دان (سباليقن) ڤربلنجأن مريك ايت اداله سدرهان انتارا كدوا-دوان.

جماعه يڠ درحمتي الله،

مك سبلوم ملڠكه كعالم ڤرسارأن، اد بايكڽ كيت ميمق سمولا باقي هوتڠ دان تڠكوڠن ترماسوق ڤمبيايأن رومه دان لاينڽ سرتا مرانچڠ ڤمبايرنڽ مڠيكوت كممڤوان دان جدوال يڠ تله دڤرستوجوي. سلسايكن له هوتڠ اڤبيل ممڤو تنڤا مڠابايكن نفقه دان كڤرلوان أساس كلوارك دڠن تڠكوڠن يڠ ترسوسون، إن شاء الله هاري-هاري ڤرسارأن دافت دلالوي دڠن لبيه تنڠ.

إسلام ممندڠ برت سوأل هوتڠ. **درڤد أبو هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: مَطْلُ الْغَنِيِّ ظُلْمٌ. مقصودڽ: منوندا-نوندا ڤمبايرن هوتڠ باكي اورڠ يڠ تله ممڤو ممبايرڽ اداله سواتو كظالمن. {حديث روايت إمام بخاري}**

جماعه يڠ درحمتي الله

ڤرسارأن جوك مروڤاكن ماس يڠ سسواي اونتوق برمحاسبه. تاڤله ديري كيت سنديري: براڤ باڤق ماس يڠ تله كيت كوناكن اونتوق أوروسن دنيا دان سباڤق مانكه بكلن يڠ تله كيت سدياكن اونتوق أخيرة؟ كتهويله، ڤكرجأن يڠ حلال، أمانه دالم توكس دان أوسها ميارا كلوارك جوك بوليه منجادي بكلن أخيرة اڤبيل دلتڤكن دڠن نية يڠ إخلاص سرتا منوروت تونتوتن شرع.

سكيرانڽ دهولو كسيبوقن ڤكرجأن ميبيكن كيت كورڠ ممبريكن ڤرهاتين كڤد عملن ترتنتو، مك اينله ماسن اونتوق منيڠكتكن عمل كباجيقن. سوسونله روتين هارين يڠ سسواي دڠن كممڤوان، ترماسوق عبادة، ريحت دان فنجاكأن كصيحتن.

إيڠتله، ماس يڠ برلالو تيدق اكن كمبالي. **درڤد عبدالله بن عبّاس رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا يڠ برمقصود: منڤعتكن ليم ڤركارا سبلوم (داتڠ) ليم ڤركارا: (ماس) مودا مو سبلوم داتڠ (ماس) توا مو، صيحت مو سبلوم داتڠ ماس ساكيت مو، (ماس) كاي مو سبلوم داتڠ (ماس) سمڤيت مو، ماس لاڤڠ مو سبلوم داتڠ (ماس) سيبوق مو، دان (ماس) هيدوڤ مو سبلوم داتڠ (ماس) كماتين مو. {حديث روايت الحكيم}**

سسوڠكوهن كهيدوڤن ددنيا اين هايله سمنتارا، سدڠكن كهيدوڤن دأخيرة اداله ككل سلاما-لامان.

جماعه يڠ درحمتي الله،

سام اد كيت ماسيه بكرجا اتاو تله برسارا، ماريله كيت ممنفعتكن أوسيا يڠ دكورنياكن اين اونتوق ممڤركوكوهكن إيمان، مملیهارا كلوارك دان بربوات بايك كڤد سسام مأنسي.

هرتا، سيمڤنن دان ڤڠكت أخيرڽ اكن كيت تيڠكلكن. اڤ يڠ اكن كيت باوا هايله إيمان دان عمل صالح يڠ دلاكوكن دڠن إخلاص. سموك الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ ممبيمبيڠ كيت دالم ممنفعتكن أوسيا يڠ ماسيه اد، منريما سكل عمل كباجيقن يڠ كيت لاكوكن سرتا مڠورنياكن كڤد كيت كسودهن هيدوڤ يڠ بايك دان ڤنوه رحمة. آمين يا رَبَّ العالمين.

واهاي اورڠ-اورڠ يڠ بريمان! برتقوى له كڤد الله دان هندقله ستياڤ اورڠ ممرهاتيكن اڤ يڠ تله دسدياكنڽ اونتوق هاري إيسوق (هاري أخيرة) دان برتقوى له كڤد الله. سسوڠكوهن الله مها تليتي ترهادڤ اڤ يڠ كامو كرجاكن. { سُورَةُ الْحَشْرِ أية : ١٨ }

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي القرآن الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلاَوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُالله الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.

PELITA BRUNEI

MAJLIS PENGHARGAAN PROGRAM LEGASI BELIA 'IBADURRAHMAN

Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Ahad, 25 Oktober. - Program Legasi Belia (PLB) 'IbadurRahman ('IR) merupakan satu inisiatif pembangunan belia yang bertujuan membentuk barisan pelapis Belia dan Beliawanis Masjid Hassanal Bolkiah (MHB), Pekan Tutong yang berakhlak, berkemahiran, berdisiplin serta bersedia memikul amanah kepimpinan dan khidmat kepada masyarakat.

Sehubungan itu, satu Majlis Penghargaan telah diadakan di MHB, hari ini. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai.

Pada majlis itu, penyerahan sijil tamat peserta PLB disempurnakan oleh tetamu kehormat manakala sijil penghargaan kepada Mentor dan Co-Mentor PLB disempurnakan oleh Imam MHB, Awang Sahibol Omar bin Haji Yusof.

Majlis berkenaan merupakan platform bagi penyerahan sijil tamat peserta PLB, sijil penghargaan kepada Mentor dan Co-Mentor, penyerahan surat / watikah pelantikan Ahli Jawatankuasa (AJK) Pelapis Belia MHB serta penyampaian Anugerah PLB.

Program ini turut memberi penekanan kepada peranan ibu bapa dalam menyokong penglibatan anak-anak dalam aktiviti belia masjid.

Melalui slot kesedaran ibu bapa (Parental Awareness), ibu bapa akan diberikan kefahaman mengenai peranan strategik anak-anak sebagai AJK Pelapis Belia Masjid serta kepentingan sokongan dari segi pengurusan masa, dorongan dan kefahaman terhadap penglibatan mereka dalam aktiviti masjid.

Di samping itu, program ini turut menggalakkan para belia dan beliawanis untuk mencontohi serta mengikuti jejak kecemerlangan akademik dan pembangunan diri belia terdahulu yang telah berjaya dalam pengajian mereka, bermula dari peringkat menengah, institusi pengajian tinggi sehingga ke alam kerjaya.

Pendekatan ini diharapkan dapat membentuk kefahaman bahawa penglibatan aktif dalam khidmat belia masjid dapat berjalan seiring dengan kecemerlangan akademik, pembangunan sahsiah dan persediaan menuju alam kerjaya.

Antara lain objektif program berkenaan ialah untuk menghargai sumbangan dan penglibatan peserta sepanjang mengikuti PLB; di samping bagi meningkatkan kefahaman, sokongan dan dorongan daripada ibu bapa terhadap penglibatan anak-anak dalam khidmat belia masjid, khususnya dalam aspek pengurusan masa, pembangunan kerjaya serta kecemerlangan pembelajaran.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara menyampaikan sijil tamat peserta PLB kepada penerima.

Antara pengisian utama Program Recognition Day adalah Tazkirah Pendek mengenai peranan belia, khidmat kepada masjid dan pembentukan generasi pelapis daripada penceramah undangan.

Adalah diharapkan agar Program Recognition Day ini dapat menjadi satu majlis yang bermakna dalam menghargai sumbangan dan penglibatan peserta PLB 'IR, di samping mengiktiraf peranan Mentor dan Co-Mentor serta memperkukuh hubungan antara belia, ibu bapa dan kepimpinan masjid.

Majlis ini juga diharapkan dapat menjadi titik permulaan kepada pembentukan barisan AJK Pelapis Belia MHB yang lebih tersusun, berdisiplin dan bersedia memikul amanah khidmat kepada ummah.

Simposium Demensia : Tingkat kesedaran kepentingan diagnosis awal

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



SIMPOSIUM berkenaan bertujuan memberikan pemahaman lebih mendalam mengenai demensia serta cabaran yang dihadapi oleh individu yang hidup dengan demensia dan keluarga mereka.

TUNGKU LINK, Ahad, 25 Oktober. - Ke arah usaha meningkatkan dan memperkukuh pemahaman masyarakat mengenai demensia, khususnya kepentingan pengesanan tanda-tanda awal dan mendapatkan diagnosis pada peringkat awal, demensia Brunei (dB) hari ini menganjurkan Simposium Demensia Kebangsaan Brunei Ke-2, 2026.

Simposium yang berlangsung di Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB IHS), Universiti Brunei Darussalam (UBD) itu diadakan sempena Bulan Demensia Sedunia 2026 dengan membawa tema 'Lebih Awal Anda Mengetahui, Lebih Banyak Yang Boleh Dilakukan : Diagnosis Demensia Adalah Penting'.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Dekan PAPRSB IHS, Profesor Kenneth Kok Yuh Yen.

Simposium berkenaan menghimpunkan lebih 100 peserta yang terdiri daripada para profesional kesihatan, pegawai kerajaan, pelajar, orang awam serta penjaga yang menjaga individu yang hidup dengan demensia.

Presiden dB, Dr. Dayang Norhayati binti Mohd. Kassim dalam ucapan pembukaannya menekankan bahawa diagnosis awal membolehkan individu yang mengalami masalah ingatan dikenal pasti puncanya, termasuk keadaan lain yang boleh dirawat, di samping membolehkan rawatan dan sokongan diberikan lebih awal.

Beliau turut menjelaskan bahawa diagnosis awal memberi peluang kepada individu yang hidup dengan demensia untuk terlibat dalam membuat keputusan berkaitan penjagaan diri, kewangan dan hasrat mereka selagi masih berupaya menyuarakan pilihan sendiri.

Menurut beliau, diagnosis juga membantu keluarga memahami perubahan tingkah laku dan keperluan individu yang dijaga, sekali gus membolehkan mereka memberikan sokongan yang lebih bersesuaian.

Bagi profesional kesihatan pula, pemahaman mengenai tanda-tanda demensia, keupayaan mengemukakan soalan yang tepat dan pengetahuan mengenai saluran rujukan yang bersesuaian amat penting dalam memastikan individu yang memerlukan bantuan mendapat penilaian sewajarnya.

Dr. Dayang Norhayati turut menekankan bahawa ketakutan terhadap stigma dan tanggapan negatif boleh menyebabkan sesetengah individu atau keluarga menangguhkan usaha mendapatkan diagnosis.

Sehubungan itu, beliau menyeru masyarakat agar menggantikan ketakutan dan stigma dengan pengetahuan serta sikap belas ihsan, sambil menegaskan bahawa diagnosis bukanlah pengakhiran kehidupan seseorang, sebaliknya permulaan kepada pemahaman dan penjagaan yang lebih terarah.

Simposium berkenaan juga mendengarkan penyampaian ucaptama oleh Pengarah dan Pakar Perunding Kanan Brunei Neuroscience Stroke and Rehabilitation Centre (BNSRC), Dr. Pengiran Nur'ashikin binti Pengiran Dato Paduka Haji Tengah.

Antara pengisian utama simposium ialah forum bertajuk 'Perjalanan Menuju Diagnosis : Perbincangan antara Pegawai Perubatan dan Penjaga mengenai Realiti Diagnosis Demensia' (The Road to Diagnosis: A Conversation Between Clinicians and Carers on the Realities of Diagnosing Dementia).

Ahli panel forum terdiri daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, juga sebagai penjaga dan pejuang advokasi; Pakar Perunding Geriatrik, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Dr. Tan Chia Wei dan Pengarah dan Pakar Perunding Kanan BNSRC, Dr. Pengiran Nur'ashikin.

Forum dikendalikan oleh Pensyarah, PAPRSB HIS, UBD dan juga Komitee dB, Dr. Deeni Rudita Idris selaku moderator.

Simposium ini bertujuan memberikan pemahaman yang lebih mendalam kepada para peserta mengenai demensia, bermula daripada mengenal pasti gejala awal dan memahami proses diagnosis, hinggalah kepada pengurusan penjagaan serta cabaran yang dihadapi oleh individu yang hidup dengan demensia dan keluarga mereka. Ia turut menyediakan ruang untuk perkongsian pengetahuan dan perbincangan antara para profesional, penjaga dan masyarakat umum.

Melalui sesi ceramah dan forum, para peserta berpeluang mendapatkan ilmu daripada para penceramah yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman berkaitan demensia.

Program ini menekankan bahawa penjagaan demensia bukan sekadar mendapatkan diagnosis, malah turut melibatkan sokongan berterusan, perancangan penjagaan yang bersesuaian, penghormatan terhadap hak individu serta pemeliharaan maruah dan kualiti hidup individu yang hidup dengan demensia.

Selain program utama, simposium ini turut menampilkan bengkel praktikal yang direka untuk membekalkan para peserta dengan pengetahuan dan kemahiran berguna yang boleh diaplikasikan dalam penjagaan dan sokongan kepada individu yang hidup dengan demensia.

Sesi-sesi ini bertujuan memperkasa para penjaga, ahli keluarga dan anggota masyarakat agar dapat memberikan respons dengan lebih yakin dan penuh empati terhadap keperluan individu yang terjejas oleh demensia.

Sebagai sebuah organisasi bukan kerajaan, dB memperjuangkan hak dan kualiti hidup individu yang hidup dengan demensia. Sejak ditubuhkan pada Mac 2018, organisasi ini giat melaksanakan aktiviti kesedaran, inisiatif pendidikan dan program penglibatan masyarakat bagi meningkatkan pemahaman mengenai demensia serta memperbaiki standard penjagaan.

Penganjuran simposium berkenaan mencerminkan komitmen berterusan dB dalam membina sebuah masyarakat mesra demensia di Negara Brunei Darussalam, di mana individu yang hidup dengan demensia difahami, dihormati dan disokong, serta keluarga dan penjaga mempunyai akses kepada pengetahuan dan sumber yang diperlukan.

Melalui inisiatif ini, dB berharap dapat meningkatkan kesedaran masyarakat, menggalakkan pengenalpastian demensia pada peringkat lebih awal serta memperkukuh kerjasama antara para profesional kesihatan, keluarga, penjaga, organisasi yang berkaitan dan masyarakat secara keseluruhannya.



KALENDAR ACARA VBY 2027 DILANCARKAN SECARA RASMI



SETIAUSAHA Tetap (Industri), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri; Setiausaha Tetap (Kesejahteraan Masyarakat), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; dan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu-tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang (kanan dan atas).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Oktober. - Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI) melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP) hari ini secara rasmi melancarkan Kalendar Acara Tahun Melawat Brunei 2027 (Visit Brunei Year 2027 - VBY 2027) di Dermaga Diraja, di ibu negara, sekali gus menandakan satu lagi pencapaian penting dalam persiapan menjelang VBY 2027, susulan Majlis Prapelancaran VBY 2027 pada Jun 2026.

Kalendar berkenaan kini menampilkan sebanyak 58 acara yang dibahagikan kepada enam kategori bertema, iaitu Warisan dan Tradisi Islam, Gastronomi dan Seni Kulinari, Penerokaan Alam Semula Jadi, Warisan Budaya dan Komuniti, Seni dan Kreativiti, serta Sukan dan Rekreasi.

Enam tema berkenaan mengetengahkan kepelbagaian tarikan pelancongan negara, merangkumi warisan Islam dan tradisi budaya, sajian tempatan, tarikan alam semula jadi, kegiatan komuniti, ekspresi kreatif serta pengalaman sukan.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Industri), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Awang Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap (Kesejahteraan Masyarakat), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Salminan bin Haji Burut; serta Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Hajah Salinah binti Haji Mohd. Salleh dalam ucapan alu-aluannya menekankan akan kepentingan penyertaan dan kerjasama secara kolektif dalam memastikan kejayaan VBY 2027.

Menurutnya lagi, memandangkan 2027 juga menandakan Sambutan Jubli Intan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 60 Tahun Menaiki Takhta Tahun 2027.

Sehubungan itu tambahnya, VBY 2027 merupakan peluang yang amat bermakna untuk mengetengahkan warisan, budaya, alam semula jadi dan pelbagai pengalaman unik negara kepada masyarakat tempatan serta pelawat antarabangsa.

Majlis Pelancaran berkenaan turut menekankan kepentingan kerjasama pelbagai pihak dalam menjayakan program VBY 2027, di samping menggalakkan penganjur acara, agensi kerajaan, pihak perniagaan, persatuan, kumpulan komuniti dan orang ramai untuk menyumbangkan idea serta inisiatif.

Penglibatan semua pihak diharap dapat memperluas kalendar acara, mewujudkan lebih banyak peluang penyertaan bagi masyarakat tempatan serta memberikan lebih banyak pilihan kepada pengunjung dan penduduk untuk meneroka Negara Brunei Darussalam (NBD) sepanjang 2027.

Majlis berkenaan turut memberikan pengiktirafan kepada para pemenang Pertandingan Fotografi dan Video 'VBY Through Your Lens'. Pertandingan berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha kempen untuk menggalakkan penyertaan orang ramai dalam mempromosi negara melalui penceritaan visual.

Melengkapi pelancaran dan pertandingan berkenaan, pameran industri pelancongan selama dua hari turut berlangsung di Dermaga Diraja pada 24 hingga 25 Oktober 2026. Pameran berkenaan menghimpunkan penganjur acara, ejen pelancongan, pihak hotel, penyedia perkhidmatan pelancongan dan pengusaha makanan tempatan untuk mengetengahkan tawaran masing-masing serta berinteraksi secara langsung dengan orang ramai.

Kalendar acara VBY 2027 akan terus dikemas kini dengan penambahan acara dan aktiviti baharu yang dikenal pasti dari semasa ke semasa.

Sehubungan itu, JKP mengalu-alukan cadangan daripada penganjur acara, sektor perniagaan, persatuan dan kumpulan komuniti dari keempat-empat daerah untuk dipertimbangkan bagi dimasukkan ke dalam kalendar berkenaan.

Usaha berterusan berkenaan bertujuan untuk mempelbagaikan pilihan aktiviti yang ditawarkan, menggalakkan penyertaan di seluruh negara serta membuka lebih banyak peluang kepada pengunjung untuk menikmati pengalaman di NBD, melangkaui aktiviti bersiar-siar dan lawatan ke tempat-tempat lazim.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut dan mengakses Kalendar Acara VBY 2027, orang ramai boleh melayari laman sesawang rasmi JKP di *www.bruneitourism.com/vby2027/* atau mengikuti akaun Instagram *@info.bruneitourism.*

FBA komited melahirkan mahasiswa cemerlang, berakhlak mulia

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Oktober. – Fakulti Bahasa Arab (FBA), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) baru-baru ini telah mengadakan Majlis Pembubaran Badan Pelajar Sesi 2025/2026 dan Pelantikan Baharu Badan Pelajar Sesi 2026/2027 serta Majlis Penyampaian Sijil Anugerah Dekan bagi Sesi Pengajian 2025/2026 yang turut diselajurkan dengan Majlis Takreem al-Mu'allim bertempat di Auditorium UNISSA.

Majlis berkenaan dihadiri oleh Pemangku Dekan Fakulti Bahasa Arab, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Abdullah selaku tetamu kehormat yang turut menyampaikan ucapan amanat kepada para mahasiswa dan mahasiswi sebagai panduan dalam melaksanakan tanggungjawab serta meningkatkan komitmen terhadap kepimpinan, kecemerlangan akademik dan pembangunan diri.

Majlis turut diisikan dengan ucapan daripada Pengerusi Badan Pelajar Fakulti Bahasa Arab (BPFBA) Sesi 2026/2027, Awang Ahmad Amsyar Arif bin Ahmad Sukri.

Dalam ucapannya, Awang Ahmad Amsyar Arif menyampaikan penghargaan atas kepercayaan yang diberikan serta menekankan kepentingan kerjasama, komitmen dan tanggungjawab dalam menggalas amanah kepimpinan.

Beliau turut berharap agar barisan kepimpinan baharu dapat bekerjasama dalam menjaga kebajikan mahasiswa dan mahasiswi serta menyumbang secara aktif kepada pembangunan FBA.

Majlis Pembubaran dan Pelantikan BPFBA diadakan bagi menandakan berakhirnya tempoh kepimpinan BPFBA Sesi 2025/2026 serta pelantikan barisan kepimpinan baharu bagi Sesi 2026/2027.

Peralihan kepimpinan berkenaan mencerminkan kesinambungan amanah dan tanggungjawab mahasiswa dalam menyumbang kepada kebajikan serta pembangunan warga FBA.



SESI bergambar ramai pada Majlis Pembubaran Badan Pelajar Sesi 2025/2026 dan Pelantikan Baharu Badan Pelajar Sesi 2026/2027 serta Majlis Penyampaian Sijil Anugerah Dekan bagi Sesi Pengajian 2025/2026 yang turut diselajurkan dengan Majlis Takreem al-Mu'allim bertempat di Auditorium UNISSA.

Majlis turut meraikan kecemerlangan akademik mahasiswa dan mahasiswi melalui penyampaian Anugerah Dekan sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian akademik mereka.

Sementara itu, Takreem al-Mu'allim diadakan sebagai tanda penghargaan kepada para pensyarah atas jasa, dedikasi dan komitmen dalam mendidik serta membimbing mahasiswa.

Penganjuran majlis berkenaan diharap dapat memperkukuh silaturahim antara warga fakulti, menyemai nilai kepimpinan yang bertanggungjawab serta memupuk budaya kecemerlangan akademik dan penghargaan terhadap jasa para pendidik.

Majlis berkenaan mencerminkan komitmen FBA dalam melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah berakhlak mulia, berintegriti dan bersedia memikul amanah kepimpinan demi kemajuan ummah.

JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
AUD / BPK / UE / Q&T / 2026-2027 / 23.
Pembelian
Lima Belas (15) Portable Duplex Scanner Di
Jabatan Audit Bangunan Bahirah,
Jabatan Perdana Menteri
Jalan Dewan Majlis,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

Deskripsi:
Portable Scanner
Desktop Sheet-Fed Scanner
Scan Size: A4
Scan Speed: B & W 15 BPPM (Simplex) / 30 IPM (Duplex),
Colour 10 PPM (Simplex) / 20 IPM (Duplex)
Scan Resolution: Up to 600 dpi
Standard Feesing Capacity:
up to 20 sheets
Connectivity: Hi-speed USB 2.0 (USB 3.0 bus power supported)
Recommended Daily Scan Volume: Up to 500 scans per day

Kuantiti:
15 Unit

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
3 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI

Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 057 / 2026

Tajuk Tawaran:
Supply, Delivery Of Gas Turbine Air Inlet Filter Cartridges For Lumut Power Station

Tarikh Tutup:
Selasa,
24 November 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 004 / 2026

Tajuk Tawaran:
Supply, Delivery, Installation And Commissioning Of A 25 / 30MVA ONAN / ONAF 132 / 66 / 11KV Power Transformer At Setia Diraja Substation, Kuala Belait

Tarikh Tutup:
Selasa,
24 November 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1
Bangunan
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / KOP / 062/ 2026

Tajuk Tawaran:
Provision Of 2nd Level Customer Support Agents For DES Customer Services Center, Brunei Muara District For A Period Of 3 Years

Tarikh Tutup:
Selasa,
24 November 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri
Lobi Utama, Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana Menteri
Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam

JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

Notis Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 136 / 26-27
Tempahan Dan Pembelian Trofi Festival Media Kreatif 2026

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 142 / 26-27
Perolehan Rancangan Luar Negeri (Perdana)
Genre: Magazines (Cooking) - Regional / Asean / Halal

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 143 / 26-27
Perolehan Rancangan Luar Negeri (Perdana)
Genre: Magazines Children (Reality / Games) - Cooking / Baking / Food

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 144 / 26-27
Perolehan Rancangan Luar Negeri (Perdana)
Genre: Magazines Children (Informative / Factual) – Technology / Education / Games / Reality And Human Interest

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 145 / 26-27
Perolehan Rancangan Luar Negeri (Aneka)
Genre: Reality Show - Survival, Gameshow, Indoor / Outdoor

Bayaran Yuran:
BND5.00
(tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas (Hardcopy):
BND5.00 (jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
28 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Kenyataan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
T02 / KKBS / UP / INK
Pembekalan Catridge Toner, Ink Dan Drum Printer Komputer Bagi Kegunaan
Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan Bagi Tempoh 3 Tahun

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 November 2026
Jam 2.00 Petang

Kenyataan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
19 / JULY / 2026 / KKBS / PJK / 16.105 (R)
Mechanical And Electrical Term Maintenance For A Period Of Thirty Six (36) Months For Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Training Camp, Batu Apoi, Temburong, Brunei Darussalam (Retender)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
10 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Bagi Rancangan Pemakanan Sekolah 2026

DA / JKSH / 143 / 2026 / 2027 [BPPA-OKT-2026]
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Makan Bagi :
Sekolah Rendah Kampung Bukit Daerah Tutong,
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : MTR / 04
Bagi Tempoh Enam (6) Bulan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
14 November 2026
Jam 9.00 Pagi

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Pemberitahuan Sebut Harga

JPt / SH / 93 / 2026-2027
Quotation For Maintenance, Service And Repair Of Incinerator (Comes With Building) In The Pathology Laboratory, Animal Diagnostic Unit, KKP Terunjing

JPt / SH / 94 / 2026-2027
Term Contract For Air-Conditioning System Maintenance And Other Required Works At Zone 'A' Brunei Muara District Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan For A Period Of Two (2) Years

JPt / SH / 95 / 2026-2027
Inspection Of Socket, Isolator And Earthing At Veterinary Lab KKP Terunjing, Department Of Agriculture And Agrifood

Borang Sebut Harga:
BND7.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
26 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Tawaran Rancangan Pemakanan Sekolah Dan Program Harapan

MOE / LTK / 55 / 2026 / 2027
[DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi:
1. Sekolah Rendah Anak-Anak Askar Batalion II, Tutong Kem
2. Sekolah Rendah Binturan
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan
Kod Blok: SM / 62
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

MOE / LTK / 56 / 2026 / 2027
[DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Permakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Labi, Kg Gatas Labi
2. Sekolah Rendah Merangking
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan
Kod Blok: SM / 51
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 57 / 2026 / 2027
[DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Makan Tengah Hari Secara Tapau Bagi Program Harapan
Sekolah Menengah Awang Semaun
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Kod Blok : PH/T1
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

MOE / LTK / 58 / 2026 / 2027
[DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan:
1. Sekolah Rendah Puni
2. Sekolah Rendah Sultan Hashim, Batu Apoi
3. Sekolah Rendah Rataie
Daerah Temburong
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: PH / ST9
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi Bilangan MOE / LTK / 55 / 2026 / 2027 Hingga MOE / LTK / 58 / 2026 / 2027 Adalah BND10.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 59 / 2026 / 2027
[DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi Sekolah Rendah Saba Darat B
Daerah Brunei Muara.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: SM / 05
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 60 / 2026 / 2027
[DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi Sekolah Rendah Serasa, Muara
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: SM / 12
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 61 / 2026 / 2027
[DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi:
Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin, Sg Besar
Sekolah Rendah Batu Marang
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: SM / 14
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 62 / 2026 / 2027
[DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi:
Sekolah Rendah Sg Teraban
Sekolah Rendah Muhammad Alam, Seria
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: SM / 48
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 63 / 2026 / 2027
[DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal, Menghantar Dan Mengagih Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Agih Bagi Sekolah Rendah Kuala Belait
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan
Kod Blok: SA / 01
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 64 / 2026 / 2027
[DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal, Menghantar Dan Mengagih Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Agih Bagi Sekolah Rendah Pg Setia Negara Pg Hj Mohd Yusof
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan
Kod Blok: SA / 02
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi Bilangan MOE / LTK / 59 / 2026 / 2027 Hingga MOE / LTK / 64 / 2026 / 2027 Adalah BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 65 / 2026 / 2027
[DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi:
1. Sekolah Rendah Danau
2. Sekolah Rendah Tumpuan Telisai
3. Sekolah Rendah Abdul Rashid Tanjong Maya
4. Sekolah Rendah Lubuk Pulau
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: SM / 42
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 66 / 2026 / 2027
[DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi:
1. Sekolah Rendah Orang Kaya Ali Wanika Setia Diraja, Kupang
2. Sekolah Rendah Birau
3. Sekolah Rendah Bekiau
4. Sekolah Rendah Batang Mitus
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: SM / 43
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 67 / 2026 / 2027
[DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi Sekolah Rendah Pg Setia Jaya Pg Haji Abd Momin, Kg Pandan
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan
Kod Blok: SM / 53
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi Bilangan MOE / LTK / 65 / 2026 / 2027 Hingga MOE / LTK / 67 / 2026 / 2027 Adalah BND50.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa,
10 November 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KESIHATAN

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(113) PSD / QTN / 2026 / ESTET – (RIPASH)
Replacement Of New Roller Shutter And Fire Exit Door Including Constructing An Ablution Area At Inpatient Pharmacy Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Kelas:
II

Kategori:
B01, KA01 dan KPB02

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(16) PIHMH / KEW / 008
Upgrading Works For Standby Generator Set At Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong

Kelas:
II

Kategori:
E01, E02 dan M03

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1758) / 2026 / HTD (A20)
Repair One (1) Unit Of Ultra Low Freezer, Brand: ESCO Lexicon, Model: UUS-793A-1, BME19802, At Food Chemistry Laboratory, Department Of Scientific Services

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1762) / 2026 / HTD (B4)
To Repair Twelve (12) Units Of Hillrom Patient Beds At WCC And RIPAS Hospital

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1761) / 2026 / HTD (B4)
To Repair One (1) Unit ATMOS ENT Workstation, Model: C21, BME6938, SN: 170024636-059579-2009-02 At ORL Clinic, RIPAS Hospital (WO: 2026-13542)

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1760) / 2026 / HTD (B9)
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For Five (5) Units Of MGE Portable Suction Machine, Model: SAM12, Various Dental Clinic At Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1755) / 2026 / HTD (B8)
To Repair Three (3) Units Of Blanket Warmer, Brand: CSZ, Model: 135-WARMAIR At ICU 2 & ICU 3 RIPAS Hospital

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME/A2K/(1754)/2026/HTD (A17)
One Off Preventive Maintenance Services For One (1) Unit Of BIO-RAD Haemoglobin Testing Analyzer, Brand: BIO-RAD, Model: Variant II, At Mocrobiology Laboratory, RIPAS Hospital. (WO: 2026-12841)

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(114) PSD/QTN/2026 – (SSBH)
To Supply And Repair Medical Air Dryers And Repair Resevoir Medical Air Tank, Suri Seri Begawan Hospital

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
27 / QTN / JPK / 2026
Supply And Replace With New Air-Conditioning Unit And Install New Air Curtain Unit, PAPHMWHB Gadong Health Centre

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
29 / QTN / JPK / 2026
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of 1 (One) Unit Of Body Composition Analyser For Department Of Health Services, Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
MOH / HPC / QTN / 26-27 (12A)
Outsourcing Nicotine Dependence Intervention Program (NDIP) For Health Promotion Centre - Clustering

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Sabtu,
7 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / GSU / TA / 1001
Procurement Of Bedding And Bedroom Furnishing For Gurkha Security Unit

Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 17 November 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KKBS / OBBD / F-003 (06-2026)
Kerja-Kerja Memasang Dan Membina Garaj Di Kem Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD), Batang Duri, Kampung Batang Duri, Daerah Temburong

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
29 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / DITU / TA / 002
Pembelian Komputer Berspesifikasi Tinggi

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 3 November 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 November 2026
Jam 2.00 Petang

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / GCAU / TU / TA / 6021
Pembelian Boots George Black Untuk Tentera Udara Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 10 November 2026**.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 17 November 2026
Jam 2.00 petang

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / GCAU / TU / TA / 6018
Pembelian Peak Cap Warrant Officer To Officers Untuk Tentera Udara Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND 10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 3 November 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 November 2026
Jam 2.00 Petang

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / TA / PEN / 003
[JPPK / LTK / 10 / 2026]
Proposed Renovation At Cawangan Latihan Semboyan (CLS), Penanjong Garrison

Kelas:
III dan Ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sembilan (9) bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada **Selasa, 10 November 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
17 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
(110) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
Supply And Delivery Of Transport And Distribution Trolley For Central Sterile Services Department (CSSD), Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Clustering)

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
(111) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Vacuum Assisted Delivery System For Labour Room, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Kuala Belait

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
(112) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
To Supply And Install New Acrylic Finished Multi-Sports Court At Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait

Class & Category
Class I & II / Category B01

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JPKAS / IKLAN / 26 – 27 / 05
To Supply And Deliver Malaria Rapid Diagnosis Test (RDT) Kits For Health Screening Centre, Department Of Environmental Health Services

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1750) / 2026 / HTD (B8)
To Repair One (1) Unit HD Integra Reverse Osmosis Water Treatment System At Ward 17 & 18, Hospital RIPAS

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1751) / 2026 / HTD (A20)
One-Off Preventive Maintenance For One Unit Of Ultrasound Machine, Brand: Philips, Model: EPIQCVX, S/N: SZ65B0078
At Istana Nurul Iman Clinic

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1752) / 2026 / HTD (A20)
One-Off Preventive Maintenance Services For One (1) Unit Of Fourier Transform Infrared Spectroscopy (FTIR) System, Brand: Thermo Scientific, Model: NICOLET iS50, S/N: AUP1400387, BME17212, At Physical Evidence Section, Department Of Scientific Services

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
(107) PSD / QTN / 2026 – (PHARM)
Supply, Delivery And Installation Of One Standard Prefabricated Portable Cabin At The Department Of Pharmaceutical Services Building, Kg Madaras

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
PPS / QTN / 106 / 2026
1/ Calcium Liquid Preparation providing Elemental Calcium 100mg / 5ml to 120mg / 5ml
Qty: 500 x 350ml
2/ Diazepam 5mg Rectal Solution
Qty: 35 x 5's

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
PPS / QTN / 107 / 2026
1/ Naltrexone 50mg oral solid preparation preferably tablet
Qty: 50 x 30's
2/ Probenecid 500mg oral solid preparation preferably tablet
Qty: 150 x 100's

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
PPS / QTN / 108 / 2026
1/ Methylphenidate hydrochloride 27mg modified release oral solid preparation preferably tablet
Qty: 150 x 30's
2/ Adrenaline 1mg/1ml (1 in 1,000) delivering single dose of Adrenaline 300mcg auto injector device as Epipen Auto-Injector or its equivalent
Qty: 180 pens

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
PPS / QTN / 109 / 2026
1/ Chlorpromazine injection 50mg/2ml
Qty: 4 x 10's
2/ Disodium pamidronate injection 30mg
Qty: 100 vials

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
PPS / QTN / 110 / 2026
1/ Lamotrigine 5mg dispersible tablet as Lamictal or its equivalent
Qty: 500 x 30's
2/ Milrinone 1mg/1ml injection
Qty: 4 x 10's

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
PPS / QTN / 111 / 2026
1/ Electrolytes & trace elements (Fe, Zn, Mn, Cu, Cr, Se, Mo, F, I) addictive for adults as Addamel injection or its equivalent
Qty: 6 x 20's
2/ Fat soluble vitamins (Vit A, D, E, K) for adults as Vitalipid Adult injection or its equivalent
Qty: 3 x 10's

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
PPS / QTN / 112 / 2026
1/ Lithium carbonate modified release 400mg oral solid preparation preferably scored tablet
Qty: 180 x 100's

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Sabtu
31 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
Terbuka

Kategori:
KPB11A & KPB02 (Kod Baharu)

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 30 / STE / 2026-T / II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih Struktur bangunan Blok Sains Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam Serasa, Kementerian Pendidikan

Kelas:
Open

Kategori:
KPB11A (Kod Baharu)

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

JABATAN BELIA DAN SUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(129) JBS / ADM / QC / 2026
Supply and Install Interactive Smartboard 65 with Wheel Stand, Jabatan Belia dan Sukan

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(130) JBS / ADM / QC / 2026
Repair and Replace Flood light Parts and Components (Maintenance Works) to Track and Field, Berakas Sports Complex

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(131) JBS / ADM / QC / 2026
Supply, Delivery, Installation, Testing and Commissioning of New World Athletics Certified
1) Shot Put Arena and Landing Sector,
2) Hammer Throw and Discuss Safety Cage at Track and Field of Temburong Sports Complex

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(135) JBS / ADM / QC / 2026
Membekalkan dan Menghantar "Cold Therapy Equipment" bagi kegunaan Podiatry, SMRC

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(141) JBS / ADM / QC / 2026
9 Units Physiotherapy Treatment Tables for Physiotherapy, Sport Medicine and Research Centre, JBS

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(142) JBS / ADM / QC / 2026
Supply & Delivery Rota Slasher Di Kompleks Sukan Temburong

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Tutup:
Khamis,
29 Oktober 2026

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 31 / STE / 2026-T / II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih Kerosakan Struktur Di Bangunan Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa,
27 Oktober 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 November 2026,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V & VI sahaja

Kategori:
KA01

Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
30 September 2026

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
20 Oktober 2026
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
Tidak Lewat 2.00 Petang
27 Oktober 2026

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 35 / 2026

Nama Projek:
Membaik Pulih Dan Menurap Semula Lebuhraya Lumut – Belait Fasa 2

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
30 September 2026

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
20 Oktober 2026
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
Tidak Lewat 2.00 Petang
27 Oktober 2026

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 30 / 2026

Nama Projek:
Membaik Pulih Dan Menurap Semula Lebuh Raya Tutong - Telisai

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
-

JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Sebut Harga:
JKP / SH / 2026 – 2027 / 26

Tajuk Sebut Harga:
Provision Of Digital Asset Management & Organisation Services

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
29 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDT / KPD / 06 / 2026-2027
Supply Of P.A. System Equipments Jabatan Daerah Tutong

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Isnin
9 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 141 / 26-27
Twenty-Four (24) Months Term Contract For The Full Maintenance Of All Air-Conditioning Units Under The Responsibility Of Radio Televisyen Brunei

Bayaran Yuran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)
(*Hardcopy*)

Tarikh Tutup:
Rabu,
28 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
TCP / 13 / 2026 / 2027
Provision Of General Cleaning And Housekeeping Services For Department Of Town And Country Planning, Headquarters And Branch Offices, Ministry Of Development, Negara Brunei Darussalam

Harga Yuran Sebut Harga:
BND5.00 - Tidak dikembalikan

Tarikh Tutup dan Tempat Penghantaran:
Sabtu,
7 November 2026
sebelum jam 2.00 Petang

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 137 / 26 - 27
Perkhidmatan Pembinaan, Pemasangan Dan Pembongkaran Pentas Serta Pembinaan Podium Bagi Karnival Media RTB 2026

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 138 / 26 – 27
Perkhidmatan Pembekalan, Pemasangan Dan Pembongkaran Sewaan Skrin LED Dan Grafik Visual Bagi Karnival Media RTB 2026

Bayaran Yuran (Setiap Satu Sebut Harga):

BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan)
(*Hardcopy*)

Tarikh Tutup:
Rabu, 28 Oktober 2026
Jam 2.00 petang

JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN

Rujukan Tawaran:
JKED / TAWARAN / UPA / BHEK / Q / 2026 – 19
Kerja-Kerja Pengubahsuaian Ruang Pejabat Tingkat 1 Dan Bilik Latihan An-Nafis, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja,

Kementerian Kewangan,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa,
3 November 2026

JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Tawaran Bilangan:
JDBM / Q / 61 / 2026

Tawaran:
Kerja-Kerja Membaik Pulih Flat F30 unit No.5, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa,
27 Oktober 2026

JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
JDB / CCTV / P1 / 2026

Tajuk Tawaran:
Supply, Delivery, Dismantling, Installation, Setup,Testing And Commission Of Additional Works And Equipment For CCTV HD Camera System Phase 1 At Belait District Office

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Tutup:
27 Oktober 2026
(Selasa)

PELITA BRUNEI

LEBIH 100 BELIA TEROKAI PEMBIAYAAN BANK USAHAWAN

Siaran Akhbar dan Foto : Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei



KETUA Pegawai Eksekutif Bank Usahawan, Dato Seri Paduka Haji Mohd. Roselan Haji Mohd. Daud semasa berucap pada majlis berkenaan.



LEMBAGA Kemajuan Ekonomi Brunei baru-baru ini menganjurkan Bank Usahawan bagi Siri Libat Urus Ke-9, dengan menghimpunkan lebih daripada 100 belia tempatan untuk mempelajari aspek pembiayaan dan sokongan bagi perniagaan peringkat awal (kiri dan bawah kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Oktober. - Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) baru-baru ini menganjurkan Bank Usahawan bagi Siri Libat Urus Ke-9, dengan menghimpunkan lebih daripada 100 belia tempatan untuk mempelajari aspek pembiayaan dan sokongan bagi perniagaan peringkat awal.



Acara yang berlangsung di Auditorium Utama, Bangunan Reka Bentuk dan Teknologi (Design & Technology Building) itu mengetengahkan BizBelia, produk pembiayaan Bank Usahawan yang menawarkan kadar keuntungan terendah, di samping perkongsian pengalaman daripada usahawan muda yang telah mendapat manfaat daripada pembiayaan berkenaan.

Siri Libat Urus BEDB itu merupakan inisiatif jangkauan yang menghubungkan usahawan tempatan dengan institusi berkaitan, pemain industri dan penyedia sokongan perniagaan bagi meningkatkan kesedaran mengenai sumber dan peluang yang tersedia.

BizBelia menawarkan pembiayaan sehingga BND5,000 bagi tempoh 24 bulan untuk pembelian peralatan, inventori, pemasaran, pengubahsuaian premis dan keperluan perniagaan yang lain. Permohonan yang lengkap akan diproses dalam tempoh kurang daripada dua minggu.

"Kami sentiasa memberikan sokongan dan bimbingan kepada para pemohon. Bagi usahawan muda yang menghadapi kesukaran memahami keperluan permohonan, kami akan bekerjasama dengan mereka untuk menyediakan cadangan perniagaan yang lebih kukuh, dan bukannya terus menolak permohonan mereka," jelas Ketua Pegawai Eksekutif Bank Usahawan, Dato Seri Paduka Haji Mohd. Roselan Haji Mohd. Daud.

Beliau menambah, sokongan berterusan diberikan selepas pembiayaan diluluskan melalui Program Bimbingan Perniagaan bank, yang memantau perkembangan perniagaan serta menghubungkan usahawan dengan agensi seperti BEDB bagi mendapatkan sokongan lanjut. Para penerima juga berpeluang mengakses pembiayaan yang lebih besar seiring dengan perkembangan perniagaan mereka.

Sesi tersebut turut menampilkan tiga penerima pembiayaan BizBelia, iaitu WeNature Company, Sua (By Sebancuh) dan Mase Company, yang berkongsi pengalaman tentang bagaimana pembiayaan berkenaan membantu memulakan perniagaan mereka.

Pengasas Sua, Muhammad Iqbaal Syakib Haji Suhib, menyatakan bahawa pembiayaan BizBelia dan program Micro Bootcamp BEDB telah menyediakan modal serta asas pengetahuan perniagaan yang diperlukan untuk melancarkan rangkaian produk pertamanya, iaitu gelas *tumbler*, yang diperkenalkan buat pertama kali di Festival MSME Brunei anjuran BEDB.

Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai Siri Libat Urus yang akan datang, orang ramai boleh mengikuti akaun Instagram *@bedbbrunei*, melayari laman sesawang *www.bedb.gov.bn* atau menghubungi Meja Bantuan Perniagaan BEDB di talian +673 8363442 / +673 8330520.

Kerjasama diperkukuh ketengahkan produk tradisional berasaskan ubi kayu

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Ihsan Hajah Faridah Haji Mohd. Taufik



SUASANA pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara RAB Global Green Sdn. Bhd. dan Kumpulan Langkah Mulia yang berlangsung di Higher Hotel (atas dan kanan).



KIULAP, Ahad, 25 Oktober. – Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara RAB Global Green Sdn. Bhd. dan Kumpulan Langkah Mulia diadakan di Higher Hotel, di sini.

MoU berkenaan adalah sebagai usaha untuk memperkukuh kerjasama dalam mengetengahkan produk makanan tradisional tempatan berasaskan ubi kayu.

Majlis berkenaan turut diserikan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang Peraduan Membuat Kuih-Muih Berasaskan Ubi Kayu yang dianjurkan sebagai projek perintis bagi mempromosi bahan makanan tradisional tempatan, sekali gus menyokong persediaan menjelang Tahun Melawat Brunei 2027 (VBY 2027).

Hadir pada majlis berkenaan ialah ahli jawatankuasa, para jemputan serta ahli-ahli yang terlibat.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Naib Yang Dipertua Majlis Perniagaan Wanita (WBC), Dayang Hajah Mordiah binti Haji Jackia.

Majlis kemudiannya diteruskan lagi dengan menandatangani MoU oleh Pengarah Eksekutif RAB GLOBAL GREEN Sdn. Bhd., Dayang Iffah Billah binti Junaidi; dan wakil Kumpulan Langkah Mulia, Dayang Hajah Norhayati bin Haji Abu Bakar.

Dengan termeterainya MoU berkenaan, ia diharap dapat membuka ruang kerjasama yang lebih luas antara kedua-dua belah pihak, khususnya dalam memperkasa potensi produk makanan tempatan serta menggalakkan perkembangan bidang keusahawanan.

Pada masa yang sama, Peraduan Membuat Kuih-Muih Berasaskan Ubi Kayu yang diadakan adalah bertujuan bagi mengetengahkan kreativiti dan kemahiran para peserta dalam menghasilkan pelbagai jenis kuih-muih serta makanan tradisional dengan menggunakan ubi kayu sebagai bahan utama.

Hasil pertandingan menyaksikan Dayang Hajah Faridah muncul sebagai pemenang tempat pertama, diikuti Dayang Noreni di tempat kedua, manakala Dayang Rosiah menduduki tempat ketiga.

Penganjuran peraduan seumpama berkenaan bukan sahaja menyediakan platform kepada peserta untuk menampilkan bakat dan kemahiran dalam penyediaan makanan, malah turut menyumbang kepada usaha memelihara warisan kulinari tradisional serta menggalakkan inovasi dalam penghasilan produk makanan tempatan.

IMBASAN MINGGUAN



BANGGA... Sebahagian para pelajar Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) yang berjaya menamatkan pengajian mereka di institut tersebut diraikan dengan Majlis Konvokesyen IBTE Kali Ke-34 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



SALAH seorang peserta Pertandingan Peringkat Akhir Bintang Harmoni 2026 saat mendendangkan lagu pilihannya yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Azmah Haji Ahad.



MURID-murid dari Sekolah Rendah Beribi Telanai (SRBT) begitu asyik mengikuti program English Lit Up! SRBT Pyjama Day sebagai inisiatif untuk memupuk minat membaca, meningkatkan penguasaan bahasa dan membina keyakinan murid dalam menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. - Foto : Siti Rokiah Abdullah.



SEBAHAGIAN graduan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) semasa diraikan pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-16 yang berlangsung di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

AKSI perlawanan di antara DPMM FC berdepan dengan Johor Darul Ta'zim FC pada separuh akhir pertama Piala FA 2026/2027 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. - Foto : Sahrizal Haji Said.



SALAH seorang warga emas yang menyertai Pertandingan Sukan Memanah bagi Ahli-ahli Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei dan Muara yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan Lambak 2, Jalan 77. - Foto : Siti Rokiah Abdullah.

PELITA BRUNEI



Fatin Afiqah jadikan pengalaman hidup sumber inspirasi

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Ihsan Fatin Afiqah Md. Asrul Saniy

DARIPADA pengalaman hidup kepada usaha memperkasa masyarakat, anak jati Temburong ini membuktikan bahawa sebuah cerita mampu menjadi pemangkin kepada perubahan. Latar belakang kehidupan bukan penghalang untuk mencapai kejayaan, malah boleh menjadi sumber kekuatan dalam membina masa depan yang bermakna.

Prinsip inilah yang menjadi pegangan Dayang Fatin Afiqah binti Md. Asrul Saniy, belia berumur 29 tahun yang memanfaatkan seni, penulisan dan penceritaan kreatif sebagai medium untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pelbagai isu sosial.

Berbekalkan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Terapi Ekspresif Kreatif dari University Of Derby, United Kingdom serta Ijazah Sarjana dalam bidang Kaunseling, beliau menjadikan ilmu dan pengalaman peribadi sebagai asas untuk menyumbang kepada masyarakat.

Timbul minat

Minatnya dalam bidang berkenaan bermula daripada pengalaman membesar dalam keluarga yang mempunyai warisan masyarakat peribumi serta ahli keluarga dengan kepelbagaian neurologi (*neurodivergent*). Sejak kecil, beliau berhadapan dengan pengalaman diskriminasi dan menyaksikan sendiri bagaimana insan terdekat turut menghadapi prasangka, layanan tidak adil serta cabaran untuk mendapatkan penerimaan masyarakat.

Pengalaman tersebut mendorong beliau untuk memahami kepentingan meningkatkan kesedaran masyarakat dan memperjuangkan keterangkuman sosial. Beliau menyedari bahawa usaha membawa perubahan memerlukan komitmen berterusan, kredibiliti serta kepercayaan masyarakat.

"Untuk mencapai hasrat tersebut, saya perlu bekerja keras bagi membina kredibiliti, mendapatkan kepercayaan masyarakat serta mewujudkan sebuah platform yang membolehkan saya mengetengahkan isu-isu yang sering kurang mendapat perhatian," ujar Dayang Fatin Afiqah.

Beliau juga menyedari bahawa perbincangan mengenai isu sosial yang kompleks dan sensitif kadangkala memerlukan pendekatan yang lebih dekat dengan kehidupan seharian masyarakat. Cerita, watak dan pengalaman manusia boleh menjadikan medium untuk menyampaikan mesej yang sukar dibincangkan secara langsung, di samping membantu pembaca memahami perspektif yang berbeza.

Berdasarkan pemahaman tersebut, beliau mula meneroka potensi penceritaan kreatif sebagai pendekatan untuk menyampaikan isu sosial dengan cara yang lebih mudah difahami, dekat di hati dan mampu menyentuh emosi masyarakat daripada pelbagai latar belakang.

"Bagi saya, penceritaan bukan sekadar satu bentuk hiburan, tetapi juga jambatan yang menghubungkan pengalaman manusia, memupuk empati dan membuka ruang kepada perubahan," tambah Dayang Fatin Afiqah.

Usaha tersebut turut mendorong beliau membangunkan Parabelle Studios, sebuah platform yang menggabungkan kreativiti dengan usaha meningkatkan kesedaran sosial. Antara matlamatnya adalah untuk mengetengahkan bakat kreatif tempatan serta membuka ruang kepada masyarakat untuk memahami cabaran yang dihadapi oleh golongan yang kurang mendapat perhatian, termasuk keluarga yang mempunyai anak autisme dan individu yang berhadapan dengan penyakit seperti kanser.

Karya kreatif dan pengiktirafan

Dalam bidang penulisan, beliau telah menghasilkan beberapa karya, antaranya The Bubble Princess & The Stone Heart (2021), Bubbly Thoughts for the Stone Hearted (2022) serta beberapa buku kanak-kanak seperti Hermit (2022), Sideways and Seaways (2023), A Monkey's Duty (2023) dan Aya the Can-do Kid (2024).

Komitmen beliau dalam bidang kreativiti dan pembangunan masyarakat turut mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara pencapaian yang diraih termasuklah Women of the Future Awards 2023, Leading Lights & Kindness Awards 2024 serta Commonwealth Youth Awards 2026 dan Queen Elizabeth Commonwealth Trust Awards 2026.

Baru-baru ini, beliau juga telah menerima Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2026 dalam Kategori Belia Cemerlang di Negara Brunei Darussalam.

Pengiktirafan tersebut mencerminkan usaha berterusan beliau dalam memanfaatkan kreativiti untuk membawa perubahan positif, khususnya dalam meningkatkan kesedaran masyarakat dan memperkukuh keterangkuman sosial.

Ketabahan menghadapi cabaran

Walau bagaimanapun, perjalanan membina organisasi berkenaan bukanlah mudah. Sepanjang enam tahun membangunkan Parabella Studios, beliau berhadapan dengan pelbagai cabaran, termasuk kekangan kewangan, penolakan, diskriminasi dan kesukaran memastikan kelangsungan organisasi. Kebanyakan projek dilaksanakan secara sukarela atau menggunakan dana sendiri.

Melalui bimbingan mentor dan sokongan komuniti seni tempatan, beliau mempelajari kepentingan pengurusan kewangan, perancangan strategik serta penjagaan kesejahteraan diri. Pengalaman tersebut mengajarnya bahawa kegagalan bukanlah penentu nilai seseorang, sebaliknya boleh dijadikan peluang untuk menimba pengalaman, belajar dan memperbaiki diri.

Beliau turut berpandangan bahawa kejayaan tidak semestinya diukur melalui pekerjaan tetap atau kestabilan kewangan semata-mata. Sebaliknya, sumbangan yang memberikan kesan positif kepada kehidupan seseorang juga mempunyai nilai yang besar.

Harapan untuk generasi muda

Harapan Dayang Fatin Afiqah kepada golongan belia di negara ini ialah beliau menyeru agar generasi muda berani memasang impian, mencuba perkara baharu dan tidak mudah berputus asa apabila berhadapan dengan kegagalan. Beliau juga menggalakkan belia supaya berani memilih laluan yang berbeza daripada kebiasaan serta memanfaatkan ilmu dan bakat untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat.

Pada masa yang sama, beliau berharap agar masyarakat terus memberikan sokongan dan peluang kepada penggiat seni tempatan, khususnya mereka yang memerlukan lebih banyak ruang untuk mengembangkan bakat dan membina kerjaya yang mampan.

Beliau juga berhasrat untuk mengembangkan Parabelle Studios sebagai platform yang dapat menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan, latihan industri dan program bimbingan kepada golongan belia, khususnya graduan dan penggiat seni.

Selain itu, beliau bercita-cita melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) bagi memperkukuh kepakaran dalam bidang penceritaan, budaya dan pendekatan kreatif untuk kesejahteraan masyarakat.

Bagi Dayang Fatin Afiqah, kejayaan bukan sekadar pencapaian peribadi, tetapi sejauh mana seseorang mampu membantu orang lain untuk berkembang bersama. Beliau percaya bahawa perubahan besar tidak semestinya bermula dengan pengaruh yang luas, malah boleh tercetus daripada sebuah cerita yang menyentuh hati, membuka minda dan meningkatkan pemahaman masyarakat.



Dayangku Hanis Farwizah binti Pengiran Haji Hamdan, Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Islam) dengan Minor Bimbingan dan Kaunseling

Alfun Mubaarak diucapkan kepada semua rakan seperjuangan yang telah berjaya menamatkan pengajian di KUPU SB.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada para pensyarah atas segala ilmu, didikan dan bimbingan yang telah dicurahkan. Tidak dilupakan juga kepada ibu bapa yang sentiasa mendoakan dan memberikan sokongan sepanjang perjalanan kami menuntut ilmu. Semoga segala jasa dan pengorbanan ini mendapat keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala serta menjadi saham akhirat yang berpanjangan.

Buat rakan-rakan seperjuangan, jadikanlah kejayaan hari ini sebagai permulaan untuk melakar kejayaan yang lebih besar. Ingatlah, kejayaan bukan hanya diukur melalui pencapaian akademik tetapi juga melalui keikhlasan, kesungguhan dan usaha yang berterusan.

Semoga ilmu yang diperoleh menjadi bekalan untuk terus berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

Alfun Mubaarak dan selamat maju jaya kepada semua!



Dayang Norfadizlina binti Haji Abd. Rahman, Sarjana Perguruan Ugama (Pendidikan Islam)

Setinggi-tinggi tahniah kepada semua pelajar yang menamatkan pengajian. Setiap kejayaan terukir melalui doa, air mata, pengorbanan dan kesabaran. Setulus penghargaan buat penyelia tercinta, Dr. Hajah Norwati, atas segala bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang perjalanan ini. Buat suami tersayang, Mohd. Rozieani Haji Abd. Rahim, anak-anak dan seluruh keluarga, terima kasih kerana sentiasa menjadi sumber kekuatan dalam setiap langkah. Istimewa buat arwah mama dan babah tercinta, terima kasih atas segala kasih sayang, doa dan pengorbanan yang sentiasa menjadi kekuatan di hati. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala merahmati arwah mama dan memberkati babah. Buat para pelajar, ingatlah bahawa setiap impian menuntut pengorbanan, setiap kejayaan memerlukan kesabaran dan setiap kesukaran pasti membawa pengajaran. Jangan biarkan kegagalan memadamkan impian, kerana perjalanan yang sukar sering membentuk jiwa yang kuat. Teruslah melangkah walau perlahan, kerana yang paling penting bukan seberapa cepat kita sampai tetapi kesungguhan untuk tidak berhenti. Semoga ilmu yang diraih menjadi cahaya kehidupan dan manfaat buat agama, bangsa dan negara.

Graduan KUPU SB : Mensyukuri kejayaan, jadikan ilmu sebagai bekalan

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

MAJLIS Konvokesyen Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) Ke-16 yang berlangsung pada Khamis, 22 Oktober 2026 yang baru lalu setentunya menjadi satu lembaran sejarah bagi para graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian masing-masing. Berbekalkan ilmu yang diperoleh, merekalah yang menjadi harapan bangsa dan negara ke arah membentuk generasi berilmu, berakhlak mulia dan berpegang teguh pada ajaran Islam. Penulis Pelita Brunei membawa para pembaca untuk mengikuti perkongsian beberapa graduan dalam menzahirkan rasa syukur atas kejayaan mereka.

Dayang Siti Amirah binti Ariffin, Diploma Tertinggi Perguruan Ugama Pendidikan Islam



Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan rahmat-Nya, tibalah kita di sebuah persimpangan yang dahulu mungkin hanya mampu dibayangkan. Hari graduasi ini bukan sekadar penamat kepada pengajian tetapi bukti bahawa diri ini pernah memilih untuk terus bertahan, walaupun ada hari-hari yang menguji keyakinan dan kekuatan. Setiap langkah yang membawa kita ke hari ini mempunyai cerita tersendiri dan setiap satunya layak dihargai.

Buat ibu bapa, keluarga dan para pendidik, terima kasih kerana menjadi sebahagian daripada cerita ini. Ada kejayaan yang namanya tertera pada sijil tetapi di sebaliknya tersimpan jasa ramai insan yang tidak pernah meminta pengiktirafan. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala membalas segala pengorbanan dan kebaikan dengan rahmat yang tidak putus-putus.

Kepada para pelajar yang menamatkan pengajian, jangan takut jika jalan selepas ini belum jelas di mata. Tidak semua jawapan perlu ditemukan hari ini dan tidak semua impian perlu dicapai serentak. Teruskan melangkah dengan ilmu, adab dan hati yang teguh. Semoga kita bukan hanya berjaya membina kehidupan untuk diri sendiri tetapi turut menjadi sebab hadirnya harapan, manfaat dan kebaikan dalam kehidupan orang lain.

Awang Haji Mohammad Fauziman bin Haji Osaman, Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Islam) dengan Minor Pendidikan Melayu Islam Beraja



Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada seluruh graduan sempena Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-16. Semoga segala ilmu yang diperolehi menjadi bekalan untuk terus berbakti kepada agama, bangsa dan negara. Saya merakamkan setulus penghargaan kepada isteri dan anak saya atas doa serta sokongan yang tidak ternilai, para pensyarah dan seluruh warga universiti atas bimbingan dan ilmu yang dicurahkan. Tidak dilupakan juga buat Guru Besar Sekolah Ugama Mabohai serta seluruh guru-guru yang memberikan bantuan, sokongan dan timbang rasa sepanjang saya menjalani pengajian ini secara separuh masa. Semoga Allah membalas segala jasa dengan ganjaran yang berlipat ganda. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Mujadalah, ayat 11 : *"Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat".* Semoga para graduan terus cemerlang dan istiqamah menuntut ilmu. Ingatlah, kejayaan bukan pengakhiran, tetapi permulaan untuk melangkah lebih jauh dan menyumbang kepada masyarakat.



Dayang Haziqah binti Haji Abd. Rahman, Diploma Perguruan Ugama Lepas Ijazah (Bahasa Arab)

Alfu Mabrouk diucapkan kepada semua graduan KUPU SB yang telah berjaya menamatkan pengajian pada tahun ini. Semoga segala ilmu dan pengalaman yang diperoleh menjadi bekalan yang bermanfaat dalam menempuh perjalanan seterusnya serta menjadi pendidik yang berilmu, berakhlak, berintegriti dan berdedikasi sesuai dengan hasrat KUPU SB. Setulus-tulus penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada para pensyarah yang telah mencurahkan ilmu, bimbingan serta dorongan kepada kami sepanjang tempoh pengajian. Tanpa tunjuk ajar, kesabaran dan pengorbanan mereka, pastinya perjalanan kami untuk mencapai kejayaan ini tidak akan menjadi realiti. Harapan saya adalah agar ilmu yang diperoleh sepanjang pengajian ini dapat diamalkan untuk diri sendiri serta dimanfaatkan sebaik-baiknya untuk agama, bangsa dan negara. Kepada para pelajar yang bakal menamatkan pengajian, tempuhilah liku-liku proses pengajian dengan niat yang betul dan sentiasa bersangka baiklah kepada Allah Subhanahu Wata'ala.



Pengiran Mohd. Lukman Hakim bin Pengiran Haji Abd. Momin, Diploma Perguruan Ugama Lepas Ijazah (Bahasa Arab)

Merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala serta junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas pengurniaan Ijazah serta Diploma kepada saya dan rakan-rakan graduan yang lain pada hari ini. Ucapan penghargaan pertama-tamanya buat ayahanda Pengiran Haji Abd. Momin, isteri, anak-anak serta rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan semangat dan dorongan sepanjang tempoh pengajian saya di KUPU SB. Tidak dilupakan para pensyarah tempatan dan juga antarabangsa iaitu daripada Sudan dan Mesir yang banyak mencurahkan ilmu dan bimbingan kepada kami khususnya dalam bidang Bahasa Arab & Pengajarannya. Harapan saya kepada graduan-graduan semua agar ilmu yang dituntut di menara gading ini bukanlah sekadar untuk diketahui dan diamalkan bahkan paling penting perlu pula untuk disampaikan kepada generasi yang akan datang sebagai sebuah bentuk amanah daripada satu-satunya kolej universiti perguruan ugama yang bertapak di negara ini.

PELITA BRUNEI

ENJIN HIDROGEN PERTAMA DUNIA UNTUK KAPAL BESAR KURANGKAN 95 PERATUS PEMBEBASAN CO2

OSAKA, 25 Okt. - Sebuah pengeluar enjin marin Jepun telah membangunkan enjin bahan api hidrogen pertama di dunia untuk kapal komersial besar, yang mampu mengurangkan pelepasan karbon dioksida lebih 95 peratus berbanding enjin minyak bahan api berat konvensional, lapor Kyodo News.

Enjin oleh Japan Engine Corp diperkenalkan pada awal September dan akan dipasang pada kapal serba guna yang akan dibina oleh Onomichi Dockyard Co, dengan Mitsui O.S.K. Lines Ltd dijangka memulakan ujian demonstrasi pada April 2028.

Enjin tersebut menggunakan sistem suntikan terus bertekanan tinggi untuk membolehkan pembakaran hidrogen yang stabil dan melaksanakan langkah keselamatan seperti paip berdinding dua lapis untuk saluran bekalan hidrogen memandangkan unsur kimia itu cenderung mengalami kebocoran dan sangat mudah terbakar.

Pada Ogos tahun lepas, Japan Engine, yang berpangkalan di Akashi di barat Prefektur Hyogo, Jepun, juga telah menyiapkan apa yang dipanggil enjin pertama di dunia dengan bahan api ammonia komersial.

Walaupun adanya harapan tinggi untuk kedua-dua hidrogen dan ammonia menjadi bahan api generasi akan datang bagi kapal komersial besar, cabaran masih ada termasuk kos tinggi dan penerimaan yang perlahan bagi ammonia manakala hidrogen yang berciri toksik memerlukan langkah keselamatan yang ketat.

Pertubuhan Maritim Antarabangsa telah menetapkan sasaran pelepasan gas rumah hijau sifar bersih menjelang 2050 dan kerajaan Jepun menyokong usaha tersebut. - ©BERNAMA

Arab Saudi manfaat AI, pendigitalan perkhidmatan fatwa seiring Visi 2030

KUALA LUMPUR, 24 Okt. - Arab Saudi mempergiat usaha pendigitalan pengurusan fatwa dan penyelidikan syariah menerusi penggunaan Kecerdasan Buatan (AI), selaras Visi Saudi 2030 yang menyasarkan peningkatan kecekapan kerajaan serta peluasan perkhidmatan digital.

Agensi Berita Saudi (SPA) melaporkan Presidensi Am Penyelidikan Ilmiah dan Fatwa telah merealisasikan 22 pencapaian dan inisiatif sepanjang 2026, meliputi empat bidang utama iaitu strategik, teknologi, pentadbiran serta kewangan dan operasi.

Antara inisiatif utama ialah pembangunan sistem teknologi bagi Jawatankuasa Tetap Fatwa untuk mengautomasikan proses pengurusan fatwa, termasuk penerimaan, pengelasan dan penyaluran soalan, selain pendokumentasian serta pengarkiban fatwa.

Presidensi itu turut bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Data dan Kecerdasan Buatan Saudi (SDAIA) bagi meneroka penggunaan AI dalam penyelidikan syariah, termasuk pencarian pintar fatwa dan sumber ilmiah, pengelasan soalan yang serupa serta pemadanan dengan fatwa terdahulu.

Teknologi analisis teks turut dimanfaatkan bagi membantu penyelidik meneliti dan membandingkan bahan ilmiah, sekali gus memudahkan pencarian rujukan serta mempercepat pelaksanaan tugas berkaitan fatwa, menurut SPA.

Inisiatif itu bertujuan meningkatkan ketepatan dan mempercepat proses pengurusan fatwa, selain memelihara khazanah ilmiah institusi berkenaan serta memudahkan akses penyelidik dan penuntut ilmu kepada sumber berkaitan.

Usaha pendigitalan itu turut merangkumi penubuhan Pejabat Pengurusan Data, Pejabat Transformasi Digital dan Jabatan Keselamatan Siber bagi meningkatkan kualiti data, memperluas perkhidmatan digital serta melindungi sistem dan maklumat.

Bagi memperkukuh tadbir urus, presidensi itu menubuhkan Pejabat Sokongan Keputusan untuk memastikan keputusan dibuat berdasarkan kajian dan petunjuk yang boleh dipercayai, selain Unit Kecemerlangan Institusi bagi meningkatkan kualiti prestasi dan memperkukuh akauntabiliti.

Dari aspek pentadbiran, institusi itu menyusun semula struktur organisasinya, memperkukuh pembangunan sumber manusia serta menyeragamkan prosedur penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai di seluruh Arab Saudi.

Bagi meningkatkan kecekapan kewangan dan operasi, beberapa mekanisme turut diperkenalkan, termasuk pemantauan inventori, penubuhan Jawatankuasa Kecekapan Perbelanjaan dan penilaian cadangan perolehan sebelum keputusan dibuat.

Pada peringkat seterusnya, presidensi itu merancang melaksanakan strategi dan struktur organisasi yang ditambah baik, memperkenalkan petunjuk prestasi untuk mengukur impak perkhidmatan terhadap penerima manfaat serta memperluas perkhidmatan digital.

Institusi itu juga akan memperkukuh kerjasama dengan agensi kerajaan dan institusi ilmiah bagi menyokong usaha meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan fatwa dan penyelidikan syariah.

Pendekatan itu sejajar dengan matlamat Visi Saudi 2030 untuk memperkukuh transformasi digital, meningkatkan kecekapan institusi awam dan menambah baik mutu perkhidmatan kerajaan menerusi penerapan teknologi. - ©BERNAMA

Kenya rekod kematian kedua akibat Ebola

NAIROBI (KENYA), 24 Okt. - Kenya mengesahkan kematian kedua akibat Ebola pada Jumaat, seorang wanita berusia 65 tahun, umum Kementerian Kesihatan sekali gus menjadikan jumlah kematian kepada dua daripada sembilan jangkitan yang disahkan, lapor Anadolu Ajansi.

Wanita itu, yang dikenal pasti sebagai pesakit Ebola ketiga yang disahkan di negara itu, meninggal dunia lewat Jumaat ketika menerima rawatan di kemudahan penyakit berjangkit, menurut kenyataan Ketua Pengarah Kesihatan Patrick Amoth.

"Kementerian Kesihatan amat berdukacita mengumumkan kematian seorang pesakit wanita berusia 65 tahun, kes ketiga Ebola (Penyakit Virus Bundibugyo) yang disahkan di Kenya," kata Amoth.

Wanita itu merupakan ahli keluarga rapat dan kenalan langsung pesakit Ebola pertama Kenya, yang juga meninggal dunia akibat penyakit tersebut.

Dia telah diletakkan di bawah kuarantin sebelum mengalami gejala pada 13 Oktober dan dimasukkan ke unit rawatan penyakit berjangkit pada hari yang sama.

Pegawai kesihatan berkata dia telah menerima rawatan perubatan sokongan namun meninggal dunia selepas keadaannya semakin teruk.

Menurut kementerian, pengebumian yang selamat sedang diaturkan dengan rundingan keluarga dan pasukan terlatih khas dijangka menjalankan prosedur itu di bawah protokol pencegahan jangkitan yang ditetapkan.

Kematian terbaharu itu menyebabkan tujuh pesakit Ebola menerima rawatan di dua kemudahan pengasingan, menurut kementerian.

Menurut pihak berkuasa, kesemua sembilan jangkitan berkenaan dikaitkan dengan satu kumpulan kenalan yang diketahui, tanpa tanda bahawa virus itu telah merebak ke populasi yang lebih luas.

"Semua kes kekal dalam satu kelompok kenalan yang diketahui dan tiada bukti penyebaran komuniti," katanya.

Kenya mengesahkan jangkitan Ebola pertamanya awal bulan ini, mendorong peningkatan pengawasan penyakit, pengesanan kenalan dan langkah kuarantin untuk mencegah penularan selanjutnya.

Kematian terbaharu itu berlaku ketika pihak berkuasa terus memantau individu yang mungkin terdedah kepada virus tersebut. - ©BERNAMA

6 maut, 12 cedera dalam nahas bas di Myanmar

YANGON, 25 Okt. - Enam maut dan 12 lagi cedera dalam nahas jalan raya di Wilayah Mandalay Myanmar pada Sabtu, menurut Jabatan Perkhidmatan Bomba Myanmar, lapor Xinhua.

Kemalangan berlaku pada 6.05 petang waktu tempatan di laluan menuruni bukit di jalan Pyin Oo Lwin-Mandalay di Perbandaran Pyin Oo Lwin.

Sebuah bas ekspres dalam perjalanan dari Pyin Oo Lwin ke Mandalay mengalami kegagalan brek dan bertembung dengan sebuah van yang dalam perjalanan ke arah bertentangan, menurut bomba.

Akibat perlanggaran, bas itu terjunam ke dalam gaung di tepi jalan sedalam kira-kira 15 meter dan terbalik, tambahnya. Anggota bomba dan penyelamat tempatan telah dikerahkan ke tempat kejadian.

Pemandu van maut dan daripada 29 orang yang menaiki bas, lima dilaporkan maut dan12 cedera. Penumpang yang cedera dibawa ke hospital untuk rawatan. Pasukan penyelamat sedang mencari 12 orang yang masih hilang, menurut bomba. - ©BERNAMA

Ribut Austen: 4 cedera, sistem pengangkutan terjejas di Brussels

LONDON, 24 Okt. - Empat orang cedera dan sistem pengangkutan terjejas di Brussels ketika pihak berkuasa meluaskan amaran cuaca jingga ke ibu negara susulan Ribut Austen, lapor Anadolu Ajansi, memetik laporan media pada Jumaat.

Tiga orang cedera di Brussels selepas pokok tumbang di teres kafe dan dahan yang tumbang menimpa seorang lagi, lapor Brussels Times.

Institut Meteorologi Diraja juga memperluas amaran jingga untuk tiupan angin ke Wilayah Ibu Kota akibat Ribut Austen.

Amaran itu dilanjutkan ke Wilayah Ibu Kota Brussels, serta wilayah Flemish Brabant dan Walloon Brabant, menurut laporan itu.

"Puluhan bantuan kecemasan sedang dilaksanakan dan kira-kira 70 yang lain masih menunggu perhatian," kata Walter Derieuw, jurucakap pasukan bomba Brussels.

Kerosakan akibat ribut juga telah mengganggu beberapa perkhidmatan kereta api dan laluan trem di Brussels, menurut pengendali pengangkutan awam STIB-MIVB.

Sementara itu, Pelabuhan Antwerp-Bruges mengesahkan bahawa trafik perkapalan di pelabuhan masih terhenti, tanpa ketibaan atau perlepasan dijadualkan. - ©BERNAMA

Pentagon keluarkan kelompok ketujuh fail UFO

ISTANBUL, 24 Okt. - Pentagon mengeluarkan satu lagi kelompok dokumen, video dan imej, menandakan pendedahan ketujuh di bawah usaha kerajaan untuk mendedahkan kepada umum rekod berkaitan objek terbang tidak dikenali (UFO) pada Jumaat, lapor Anadolu Ajansi.

Fail berkenaan mengandungi laporan mengenai objek hitam berbentuk segi tiga yang misteri, dilihat oleh tiga ejen persekutuan berhampiran sebuah kemudahan keselamatan Amerika Syarikat (AS). Objek itu dilaporkan bergerak pada kelajuan luar biasa manakala kesan haba daripadanya tidak dapat dikesan menggunakan peralatan pengimejan terma.

Pendedahan itu turut merangkumi laporan yang mengalami pengubahan status mengenai dakwaan aktiviti paranormal di Skinwalker Ranch, Utah; rekod sejarah penampakan UFO pada 1940-an dan 1950-an; serta dokumen yang memperincikan penyelarasan antara Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Kebangsaan (NASA) dengan Jabatan Pertahanan AS dalam mengendalikan serpihan kenderaan angkasa yang disyaki.

Pendedahan terbaharu itu menyusuli enam pendedahan terdahulu selepas Presiden AS Donald Trump menandatangani perintah eksekutif pada awal tahun ini yang mengarahkan kerajaan menyediakan kepada orang ramai rekod berkaitan UFO.

"Hari ini, Jabatan Perang menerbitkan kelompok ketujuh fail fenomena anomali tidak dikenal pasti (UAP) yang mengalami perubahan status dan bersejarah sebagai sebahagian daripada Sistem Pelaporan dan Pembukaan Rekod Presiden bagi Penampakan UAP (PURSUE)," kata Ketua Jurucakap Pentagon, Sean Parnell.

Beliau berkata bahawa jabatan itu "akan mengeluarkan fail tambahan secara berperingkat" dan sedang giat menjalankan persiapan bagi pendedahan fail UAP yang seterusnya. - ©BERNAMA

PENDEDAHAN ANTARABANGSA PERKUKUH PEMBANGUNAN ATLET PELAPIS NEGARA

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Sabtu, 24 Oktober. - Sukan Belia Olimpik merupakan temasya sukan antarabangsa untuk atlet muda berumur 15 hingga 18 tahun yang menghimpunkan bakat-bakat pelapis terbaik dari seluruh dunia.

Edisi keempat yang akan berlangsung di Dakar, Senegal ini amat istimewa dan bersejarah kerana ia melakar lembaran baharu sebagai temasya Sukan Olimpik pertama yang dianjurkan di benua Afrika.

Lebih membanggakan lagi, temasya kali ini turut menyaksikan sukan wusyu dipertandingkan buat julung kalinya di pentas Olimpik.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyembahkan mengenai perkara itu dalam sembah alu-aluan semasa Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Kejohanan Sukan Belia Olimpik Ke-4 (4th Youth Olympic Games 2026), Dakar, Senegal yang diadakan di Bilik Hijau Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah perkenan baginda bagi penyertaan kontinjen negara ke temasya berprestij ini.

Mengimbas kembali, Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menyertai Sukan Belia Olimpik sejak edisi pengenalannya di Republik Singapura pada tahun 2010, diikuti dengan penyertaan dalam edisi-edisi seterusnya di Nanjing dan Buenos Aires.

Penyertaan berterusan ini sembah Yang Berhormat, membuktikan komitmen negara dalam menyediakan pentas untuk atlet-atlet pelapis kita menimba pendedahan dan pengalaman antarabangsa.

Pada edisi di Dakar ini, NBD diwakili oleh tiga orang atlet muda berbakat dalam acara Olahraga, Wusyu, dan Renang.

"Walaupun kontinjen kita kecil, para atlet membawa semangat juang yang tinggi yang mencerminkan kesungguhan negara melahirkan atlet pelapis yang berdaya saing di peringkat antarabangsa," sembah Yang Berhormat lagi.

Dalam sembahnya juga, Yang Berhormat menggariskan, para atlet belia yang terpilih bertanding di pentas Olimpik Belia memerlukan kekuatan fizikal, ketahanan mental dan disiplin yang tinggi.

Justeru, melangkahlah dengan penuh keyakinan dan tekad untuk memberikan prestasi terbaik bagi meraih kejayaan yang dapat membanggakan dan mengharumkan nama negara serta sentiasa menjaga akhlak dan semangat kesukanan yang tinggi.

"Kepada Chef de Mission, para jurulatih dan pegawai pengiring, peranan biskita amat penting. Pastikan kebajikan, keselamatan, serta sokongan moral sentiasa diberikan secukupnya kepada atlet-atlet muda kita sepanjang mereka berada di Senegal nanti.

"Marilah kita bersama-sama mendoakan semoga kontinjen negara sentiasa berada di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, dipermudahkan urusan, selamat pergi dan balik, serta beroleh kejayaan yang cemerlang," sembah Yang Berhormat.

Sebelum mengakhiri sembah alu-aluannya, Yang Berhormat sekali lagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke majlis berkenaan.



SEMBAH alu-aluan Yang Berhormat Menteri Pembangunan, selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Penyerahan bendera kepada kontinjen NBD ke Sukan Belia Olimpik Dakar

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Belia Olimpik Ke-4 2026, Dakar, Senegal.

BERAKAS, Sabtu,24 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Belia Olimpik Ke-4 2026, Dakar, Senegal yang diadakan di Bilik Hijau, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Metassan bin Haji Tahir, diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah kemudiannya berkenan mengurniakan sabda, seterusnya menyempurnakan penyerahan bendera Negara Brunei Darussalam kepada Chef de Mission Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Belia Olimpik Ke-4 2026, Dakar, Senegal, Pengiran Siti Amal Jariah binti Pengiran Haji Matjinen.

Majlis diakhiri dengan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Metassan, diikuti dengan sesi bergambar ramai bersama Duli Yang Teramat Mulia.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Pemilihan dan Penilaian Atlet Kebangsaan, wakil-wakil Persatuan Sukan Kebangsaan, dan pegawai-pegawai kanan KKBS, serta keluarga atlet.

Sukan Belia Olimpik Dakar 2026 merupakan edisi keempat Sukan Belia Olimpik Musim Panas yang akan berlangsung di Dakar, Senegal dari 31 Oktober hingga 13 November 2026.

Acara ini mencatat sejarah sebagai acara sukan Olimpik pertama yang dianjurkan di benua Afrika, sekali gus menjadi mercu tanda penting dalam perkembangan Gerakan Olimpik global.

Sukan Belia Olimpik merupakan temasya sukan antarabangsa yang menghimpunkan atlet-atlet muda terbaik dunia.

Edisi Dakar 2026 mencipta sejarah sebagai temasya Olimpik pertama yang dianjurkan di benua Afrika, di samping menyaksikan sukan wusyu dipertandingkan buat julung kalinya di pentas Olimpik.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Belia Olimpik Dakar 2026 terdiri daripada lapan orang anggota, merangkumi tiga atlet, tiga jurulatih, seorang urusetia dan seorang Ketua Kontinjen (Chef de Mission), yang akan memimpin penyertaan negara ke temasya sukan tersebut.

Kontinjen Negara akan bersaing dalam tiga jenis sukan di Sukan Belia Olimpik Dakar 2026, iaitu olahraga yang diwakili oleh seorang atlet lelaki, renang yang diwakili oleh seorang atlet lelaki, serta wusyu yang diwakili oleh seorang atlet wanita.

Negara Brunei Darussalam telah menyertai Sukan Belia Olimpik secara konsisten sejak edisi sulung di Republik Singapura pada tahun 2010, termasuk penyertaan dalam edisi di Nanjing dan Buenos Aires.

Penerusan tradisi penyertaan ini membuktikan komitmen berterusan negara dalam membina landasan antarabangsa bagi atlet-atlet pelapis kita.

Pencapaian memperkukuh ekosistem olahraga NBD

Oleh : Nurdiyanah Rajami
Foto : Ihsan Dayang Aida Syazwana Izzati, Awang Kasyful Asymawi

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Sabtu, 24 Oktober. - Negara Brunei Darussalam (NBD) meraikan detik yang membanggakan dalam bidang olahraga apabila dua atlet kebangsaan kita berjaya meraih pingat emas pada Kejohanan SuperCak Kuala Lumpur 2026 yang berlangsung di Stadium Setiawangsa, Kuala Lumpur, pada 18 Oktober 2026.

Mewakili NBD dalam kalangan peserta dari lima buah negara termasuk Malaysia, Republik Indonesia, Republik Singapura dan Maldives, Dayang Aida Syazwana Izzati binti Shamsul dan Awang Kasyful Asymawi bin Haji Khairul Arifin telah mempamerkan prestasi cemerlang dalam acara masing-masing. Pencapaian ini mencerminkan bakat, tekad serta semangat daya saing yang tinggi dalam kalangan komuniti olahraga NBD.

Dayang Aida Syazwana Izzati memenangi pingat emas dalam Acara 1500 Meter Terbuka Wanita dengan mencatatkan rekod peribadi terbaik yang mengagumkan, iaitu 5 minit 22.77 saat. Kejayaan ini merupakan satu pencapaian penting dalam perjalanan kerjaya olahraganya, sekali gus mencerminkan dedikasi, disiplin, dan ketabahan yang diperlukan untuk bersaing di peringkat yang tinggi.

Sementara itu, Awang Kasyful Asymawi berjaya meraih pingat emas dalam Acara 800 Meter Terbuka Lelaki, dengan mencatatkan masa 1 minit 58.95 saat. Pencapaian beliau ini sekali gus menyerlahkan lagi potensi atlet NBD yang semakin berkembang dalam arena olah raga serantau.





KEJOHANAN SuperCak Kuala Lumpur 2026 menyaksikan atlet tempatan, Dayang Aida Syazwana Izzati binti Shamsul memenangi pingat emas dalam Acara 1500 Meter Terbuka Wanita, dan Awang Kasyful Asymawi bin Haji Khairul Arifin memenangi pingat emas dalam Acara 800 Meter Terbuka Lelaki.

Kejayaan merangkul dua pingat emas ini turut menekankan betapa pentingnya pelaburan terhadap bakat sukan tempatan. Sokongan kepada atlet-atlet melalui bimbingan berkualiti, latihan yang teratur, peluang untuk bersaing serta akses kepada program pembangunan mampu memperkukuh ekosistem olahraga NBD, bermula daripada penyertaan di peringkat akar umbi sehinggalah ke peringkat pertandingan elit.

Bagi golongan muda, pencapaian sebegini membuktikan bahawa dedikasi dan usaha gigih mampu membuka pintu kepada peluang yang melangkaui sempadan negara. Setiap penyertaan dalam pertandingan memberikan pengalaman berharga, membantu atlet membina daya tahan, belajar daripada pesaing serta meningkatkan taraf prestasi mereka.

Kejayaan Dayang Aida Syazwana Izzati dan Awang Kasyful Asymawi bukan sekadar bermaksud kejayaan menaiki podium; ia mencerminkan potensi besar bakat tempatan serta peluang yang tercipta apabila atlet muda diberikan platform untuk bersaing, memperbaiki diri, dan mencapai kecemerlangan.

Prestasi mereka di SuperCak Kuala Lumpur 2026 memberikan dorongan positif kepada komuniti olahraga NBD serta menegaskan kepentingan mewujudkan persekitaran yang membolehkan atlet daripada pelbagai latar belakang untuk berkembang maju.

Memandangkan NBD terus menggalakkan penyertaan golongan muda dan kecemerlangan dalam sukan, pencapaian sebegini menjadi sumber kebanggaan negara dan pembakar semangat.

Ini khususnya pengiktirafan terhadap pencapaian atlet wanita dapat membantu mewujudkan persekitaran sukan yang lebih inklusif, sekali gus memperkasakan atlet wanita muda untuk mengejar matlamat mereka dengan penuh keyakinan.

Dengan kejayaan meraih dua pingat emas di bumi Malaysia, Dayang Aida Syazwana Izzati dan Awang Kasyful Asymawi telah memberikan satu lagi sebab untuk komuniti olahraga NBD meraikan kejayaan dan membuktikan kepada generasi akan datang bahawa perjalanan menuju kecemerlangan bermula dengan tekad untuk mengambil langkah pertama.

PELITA BRUNEI

PELITA BRUNEI
SUKAN

ePaper Pelita Brunei

ATLET NEGARA DISERU PAMER SEMANGAT KESUKANAN TINGGI



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan sabda.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Sabtu, 24 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bersabda menzahirkan ucapan tahniah kepada para atlet yang terpilih untuk mewakili negara pada Kejohanan Sukan Belia Olimpik Ke-4 (4th Youth Olympic Games) 2026, yang akan diadakan di Dakar, Senegal.

Dalam sabda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah mengucapkan tahniah terutamanya juga bagi atlet sukan wusyu, Dayang Lauren Emily Chua, yang telah pun berjaya untuk melayakkan diri bagi acara Taolu, iaitu Taijishan dan Taijiquan dalam sukan wusyu di 4th Youth Olympic Games Dakar 2026.

Pencapaian atlet sukan wusyu ini sabda Duli Yang Teramat Mulia, telah menunjukkan kegigihan atlet, jurulatih dan Persatuan Wusyu, dalam memajukan sukan wusyu ke peringkat Sukan Antarabangsa seperti Youth Olympic Games.

DYTM bersabda demikian pada Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Kejohanan Sukan Belia Olimpik Ke-4 (4th Youth Olympic Games) 2026, Dakar, Senegal yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Sementara itu tambah sabda DYTM, bagi atlet sukan renang, Danniel Chan, dan atlet sukan olahraga, Awang Md. Nazrul Putera bin Faeiz Firdaous, nama mereka telah pun disenaraikan dalam Universality Quota International Olympic Committee (IOC), melalui World Aquatic bagi Sukan Renang, dan World Athletic bagi Sukan Olahraga, untuk menyertai 4th Youth Olympic Games Dakar 2026.

Universality Quota ini sabda DYTM, adalah diberikan oleh IOC melalui World Aquatic dan World Athletic, kepada negara-negara keahlian IOC yang tidak mempunyai atlet yang berkelayakan, untuk menyertai 4th Youth Olympic Games Dakar 2026 bagi acara renang dan olahraga.

"Inilah matlamat IOC, yang menginginkan semua negara di dunia yang bergabung dengan IOC, untuk sama-sama menyertai Youth Olympic Games, tanpa mengambil kira bangsa, agama, budaya, dan jantina.

"Disinilah kita boleh menyaksikan bahawa, sukan itu adalah bersifat universal, yang menyatukan warga dunia dalam bersaing sama rata, bagi acara masing-masing, tanpa batasan," sabda DYTM lagi.

DYTM dalam sabdanya juga mengharapkan agar semua atlet kebangsaan di Negara Brunei Darussalam (NBD), samada remaja maupun dewasa, termasuk jurulatih dan Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan, untuk sentiasa berusaha dengan lebih gigih, agar atlet-atlet akan dapat melayakkan diri atau *qualified*.

DYTM menegaskan keutamaan dan tumpuan hendaklah diberikan kepada proses melayakkan diri, atau *qualification*, dan bukannya hanya sekadar mengharapkan Universality Quota, samada di Summer Youth Olympic Games, ataupun Summer Olympic Games.

Para atlet yang akan menyertai 4th Youth Olympic Games Dakar 2026 juga diseru supaya berjuang dengan penuh keyakinan, kesungguhan dan keazaman, serta semangat kesukanan yang tinggi.

Mereka perlu memanfaatkan peluang dan kepercayaan yang telah diberikan, untuk mempamerkan kemampuan serta memberikan saingan yang terbaik, demi mengharumkan nama NBD di persada antarabangsa.

DYTM seterusnya mengingatkan bahawa penyertaan 4th Youth Olympic Games Dakar 2026, adalah merupakan satu penghormatan, dan pengalaman yang amat berharga, memandangkan Youth Olympic Games adalah salah satu temasya sukan remaja terbesar di dunia, yang dianjurkan oleh International Olympic Committee (IOC).

"Oleh itu, bertandinglah dengan penuh keyakinan, dan semangat kesukanan, sambil menjaga nama baik negara pada setiap masa. Buktikanlah bahawa atlet-atlet remaja NBD, juga mampu bersaing dengan penuh keberanian, ketabahan dan semangat juang yang tinggi.

"Semoga setiap usaha, pengorbanan dan perjuangan yang diberikan atlet-atlet, akan menjadi kebanggaan kepada negara, serta menjadi inspirasi kepada generasi atlet-atlet muda yang akan datang," sabda DYTM lagi.

Terdahulu, DYTM dalam sabda merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di atas sokongan yang diberikan kepada Majlis Olimpik Kebangsaan NBD.

Pada edisi Youth Olympic Games kali ini, NBD akan menghantar kontinjen seramai lapan orang, yang terdiri daripada seorang Chef de Mission, seorang orang pegawai urus setia, dan tiga orang jurulatih, dan tiga orang atlet dalam tiga acara sukan, iaitu sukan wusyu (Atlet Perempuan - Dayang Lauren Emily Chua), sukan olahraga (Atlet Lelaki - Awang Md. Nazrul Putera bin Faeiz Firdaous) dan Sukan Renang (Atlet Lelaki - Awang Danniel Chan).

Jaga disiplin, patuhi peraturan yang ditetapkan

BERAKAS, Sabtu, 24 Oktober. - Semua atlet dan pegawai yang akan ke 4th Youth Olympic Games Dakar 2026 diingatkan untuk sentiasa menjaga disiplin, serta mengikut apa jua peraturan dan garis pandu, yang ditetapkan oleh pihak penganjur, serta sentiasa menjauhkan diri daripada bahan terlarang, dengan mematuhi segala akta peraturan yang dikuatkuasakan oleh World Anti Doping Agency (WADA).

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bersabda menegaskan demikian pada Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Kejohanan Sukan Belia Olimpik Ke-4 (4th Youth Olympic Games) 2026, Dakar, Senegal yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah turut menekankan kepada semua pegawai dan jurulatih kontinjen untuk sentiasa memberikan dan memastikan keutamaan dalam aspek Safeguarding Athlete, kerana kebajikan, keselamatan, dan kesejahteraan para atlet adalah aspek yang amat dititikberatkan oleh Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, dan hendaklah diberikan keutamaan di sepanjang Youth Olympic Games, sama seperti yang tercatat dalam Olympic Charter, Peraturan 2.19, di mana adalah menjadi mandat kepada IOC, untuk mengutamakan sukan yang selamat, dan melindungi atlet daripada semua bentuk gangguan dan penderaan.

Menurut sabda Duli Yang Teramat Mulia lagi, walaupun kali ini kontinjen negara hanya tersenarai seorang atlet perempuan, namun penyertaannya adalah sangat penting. Ini menunjukkan bahawa komitmen berterusan negara, dalam menyokong penglibatan wanita bersukan secara inklusif, dan memacu pemerkasaan ataupun *empowering* wanita bagi masa depan.

DYTM dalam sabdanya juga memaklumkan Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC), telah terpilih bagi mengikuti Program Tajaan Pakaian Sukan, daripada Association of National Olympic Committee (ANOC), melalui perjanjian Tajaan ANOC bersama PEAK Company China.

"Dalam program ini, PEAK Company China akan membekalkan BDNOC termasuk Kontinjen Negara, dengan beberapa pakaian sukan termasuk beg sukan di semua sukan di bawah IOC, bermula dari 4th Youth Olympic Games Dakar 2026, sehingga Summer Olympic Games Brisbane 2032," sabda DYTM.

Sehubungan itu turut dimaklumkan bahawa PEAK Company China telah menyediakan satu reka bentuk ataupun *design* pakaian, yang diperuntukan kepada BDNOC dan kontinjen bagi 4th Youth Olympic Games Dakar 2026.

Manakala pada tajaan yang berikutnya, seperti Summer Olympic Games LA 2028, PEAK Company China akan menyediakan beberapa reka bentuk ataupun *design* untuk BDNOC memilihnya.

DYTM dalam sabda melahirkan ucapan terima kasih kepada ANOC dan PEAK Company China, di atas tajaan yang telah diberikan kepada BDNOC sehingga Summer Olympic Games Brisbane 2032, dan juga kepada Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan, serta ibu bapa yang terlibat, kerana sentiasa memberikan sokongan, dorongan dan komitmen yang berterusan kepada atlet-atlet yang akan menyertai 4th Youth Olympic Games Dakar, Senegal 2026.

Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam turut mendoakan semoga kontinjen negara yang terdiri daripada atlet-atlet, jurulatih dan pegawai, akan sentiasa sehat walafiat, dan dalam peliharaan Allah Subhanahu Wata'ala.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

LINDUNGI KANAK-KANAK DARIPADA EKSPLOITASI, PENDERAAN SEKSUAL DALAM TALIAN